



Sultan bimbang rakyat tidak patuh SOP

MUKA 2

Projek SMG berjaya, Sungai Klang makin bersih

MUKA 5

Mokhtar Dahari buat England 'terduduk'

MUKA 11

Kedai gunting nyaris lingkup angkara virus

MUKA 17

Pelan pemulihan ekonomi dibentang pada 13 Julai

# Rumah, peluang kerja fokus utama

**SHAH ALAM** - Perumahan rakyat, jaminan bekalan makanan, peningkatan kemahiran pekerja dan pendigitalan akan menjadi fokus utama program pemulihan ekonomi Selangor sehingga hujung tahun.

Dibentang oleh Dato' Menteri Besar pada pagi 13 Julai ini, pakej pemulihan ini bertujuan memastikan Selangor terus kekal berdaya saing akibat kelembapan ekonomi susulan wabak Covid-19.

Disiar secara langsung di portal SelangorTV.my, pakej ini yang dibentang pada hari pertama sidang Dewan Negeri Selangor dijangka melibatkan dana berjumlah puluhan bilion ringgit.

"Pelan pemulihan ini lanjutan pakej sebelum ini. Ekonomi negeri sedikit sebanyak terkesan dengan penularan Covid-19, jadi kita tunggu perinciannya nanti," kata Dato' Seri Amirudin Shari di sini pada 7 Julai.

Ketika memuncak wabak berkenaan, Kerajaan Negeri menyediakan dua fasa pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin, masing-masing berjumlah RM127.78 juta dan RM272.5 juta, bagi meringankan beban mereka yang terjejas.

Melalui dua pakej itu, penaja dan peniaga kecil berlesen antara penerima bantuan sekali bayar RM500 seorang, petugas barisan hadapan (RM200), pesakit Covid-19 (RM1,000) dan mahasiswa (RM200).

Ahli Dewan Negeri diberi kelonggaran menggunakan peruntukan RM30,000 bagi membantu orang ramai yang kesempitan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuat kuasa mulai 18 Mac lalu.

Pakej itu turut memberi pengecualian dan penangguhan bayaran tertentu termasuk Projek Perumahan Rakyat, Skim Smart Sewa dan sewa premis pihak berkuasa tempatan.

Dalam bidang pendigitalan, Selangor menganjurkan e-Bazar Raya dan Ramadan bagi membolehkan usahawan beroperasi melalui khidmat e-panggilan. Pasar Agro Selangor turut diadakan bagi membantu petani memasarkan produk mereka.



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menolong menyediakan pek bantuan ketika program edaran beg makanan Team Selangor Cares siri ke-3 di Dewan MBPJ Seksyen 2, Kota Damansara pada 4 Julai lalu. Program itu membantu kira-kira 3,000 keluarga memperoleh bekalan makanan.

Foto oleh Radin Wazir

## Bank makanan diteruskan

**PETALING JAYA** - Kerajaan Negeri meneruskan program Bank Makanan Selangor bagi membantu rakyat yang terjejas berikutan pandemik Covid-19.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif yang diluluskan tahun lalu kembali digerakkan selepas ia terhenti susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Saya anggap program ini sebagai salah satu modus operandi Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat yang terbeban akibat Covid-19.

"Oleh itu, kami sedia bekerjasama dengan semua pihak supaya bank makanan ini akan memanfaatkan golongan mem-

lukan," katanya selepas turut sama membuat agihan bantuan melalui program Team Selangor (TS) Cares di Dewan Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada 4 Julai.

Dalam pembentangan belanjawan pada 1 November lalu, Amirudin mengumumkan 2,000 keluarga miskin bandar bakal menerima manfaat daripada inisiatif yang dilancarkan dengan dana permulaan RM5 juta.

Usaha itu dilaksanakan di kawasan projek perumahan rakyat (PPR) serta dikhususkan kepada keluarga dalam golongan miskin bandar.

Inisiatif berkenaan dilaksanakan dengan kerjasama penggerak belia tem-

patan, sukarelawan TS Cares, pejabat khidmat wakil rakyat dan pejabat ahli parlimen di negeri ini.

Selangor merangka pelbagai usaha bagi memastikan matlamat pembangunan mampan (SDGs) tercapai iaitu menghentikan kelaparan, jaminan bekalan dan pemakanan sihat serta mempromosi pertanian mampan.

SDGs adalah matlamat global anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 2015 bagi menghapus kemiskinan demi memastikan semua penduduk menikmati kemakmuran menjelang 2030.



## Jawatan EXCO diisi sebelum Aidiladha

**SHAH ALAM** - Kekosongan dua jawatan EXCO Selangor akan diisi sebelum sambutan Aidiladha, kata Dato' Menteri Besar.

Ia membabitkan EXCO perumahan dan kehidupan bandar yang sebelum ini disandang Ahli Dewan Negeri (ADN) Lembah Jaya, Haniza Talha serta EXCO kebudayaan dan pelancongan, peradaban Melayu dan warisan dikosongkan Datuk Abdul Rashid Asari.

Haniza yang juga Ketua Wanita Keadilan dilucutkan keahlian parti pada 28 Jun lalu, manakala Abdul Rashid daripada Parti Pri-bumi Bersatu Malaysia meninggalkan Pakatan Harapan (PAKATAN).

Dato' Seri Amirudin Shari berkata surat pemecatan Haniza daripada Keadilan diterima 1 Julai lalu namun jawatan EXCO masih berkuat kuasa memandangkan portfolio itu penting.

"Saya sudah jumpa beliau. Sekarang tengah urus pengosongan tetapi portfolio kritikal... soal pembangunan, jadi transisi sangat penting," katanya pada 2 Julai.

## KEADILAN sedia jika PRU mengejut

**SHAH ALAM** - Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) Selangor bersedia sekiranya pilihan raya umum (PRU) dilakukan dalam tempoh terdekat.

Pengerusinya Dato' Seri Amirudin Shari berkata politik adalah faktor penting semua parti dan pihaknya bersedia dengan sebarang kemungkinan.

"Dua minggu lalu, KEADILAN sudah maklum semua jentera bersedia sekiranya diperlukan atau keadaan memanggil. Pakatan Harapan (PAKATAN) juga pada bulan lalu sudah bermesyuarat untuk minta semua peka dan bersedia," katanya pada 2 Julai.

Pada Jun lalu, Presiden Amanah Mohamad Sabu menggesa parti komponen PAKATAN mempersiapkan jentera susulan kemungkinan PRU diadakan dalam tempoh terdekat.

## BNM turunkan lagi kadar faedah

**KUALA LUMPUR** - Bank Negara Malaysia (BNM) mengurangkan kadar dasar semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas lagi kepada 1.75 peratus, kadar terendah sejak 2004.

Dalam kenyataan pada 7 Julai, BNM berkata mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari memutuskan kadar tertinggi dan terendah OPR masing-masing dikurangkan kepada 2.00 peratus dan 1.50 peratus.

"Pandemik Covid-19 memberikan kesan yang ketara ke atas ekonomi global. Keadaan ekonomi terus lemah dengan pertumbuhan global diunjurkan negatif pada tahun ini," kata bank pusat.

Menurut BNM, pengurangan OPR memberikan rangsangan dasar tambahan untuk mempercepat kadar pemulihan ekonomi.

-BERNAMA

## Boleh cetus gelombang kedua

# Sultan bimbang rakyat ingkar SOP

OLEH **SHEEDA FATHIL**

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bimbang ramai rakyat di negeri ini kian mengabaikan tatacara operasi piawai (SOP) bagi mengekang penularan Covid-19.

Pemerhatian Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj mendapati ramai tidak lagi memakai pelitup muka dan tidak menjaga jarak sosial di tempat awam.

"Baginda sangat bimbang sekiranya masih ramai yang berdegil dan tidak mengamalkan norma-norma baharu ini, gelombang kedua penularan akan muncul dan menjejaskan ekonomi dan kehidupan seharian rakyat," menurut kenyataan Istana Alam Shah pada 8 Julai.

Sultan Selangor berharap penduduk negeri mematuhi SOP kerana ia ter-

bukti berkesan membendung penularan virus selagi vaksin Covid-19 belum ditemui.

Baginda tidak mahu orang ramai hidup dalam suasana berisiko tinggi terkena jangkitan, seterusnya boleh mengakibatkan kehilangan nyawa.

Justeru, Sultan Sharafuddin menyeru rakyat sentiasa memakai pelitup muka, membersihkan tangan menggunakan bahan pembasmi kuman serta mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu meter.

"Jika tidak sihat atau sakit, jangan keluar ke tempat awam," titah Sultan Sharafuddin lagi.

Baginda juga mengingatkan orang awam menghargai jasa dan pengorbanan petugas barisan hadapan khususnya di hospital dengan tidak menambah beban tugas mereka.



## Ringan beban 3,000 keluarga

**PETALING JAYA** - Kira-kira 3,000 keluarga yang terjejas pandemik Covid-19 menerima bantuan bekalan makanan melalui program Team Selangor (TS) Cares.

Dato' Menteri Besar berkata program itu dibuat dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan syarikat swasta seperti Jasmine Food Corporation Sdn Bhd, Nestle, Adabi Consumer dan Cocoland Industry.

"Terima kasih kerana sudi menyumbang bakti dalam usaha membantu rakyat di Selangor yang terkesan semasa Perintah Kawalan Pergerakan

(PKP)," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 4 Julai.

Beliau berkata ia merupakan Inisiatif Pemerkasaan Komuniti bertujuan mengagihkan bantuan dalam bentuk makanan dan keperluan harian kepada komuniti setempat.

"TS bergerak membantu meringankan beban masyarakat dalam menghadapi wabak Covid-19," katanya.

Dalam pada itu, TS Cares akan melanjutkan sesi bantuan bekalan makanan kepada golongan terjejas dan menyasarkan kira-kira 2,000 keluarga lagi.

Pegawainya Ahmad Bakrin Sofawi Abu Bakar berkata pihaknya sedia bekerjasama pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, Ahli Dewan Negeri, ahli majlis serta ketua kampung untuk mendapatkan senarai penerima.

"Program edaran berjalan lancar dan kita bercadang melanjutkannya sehingga hujung Ogos demi meringankan beban golongan terkesan ketika Perintah Kawalan Pergerakan," katanya.

Orang ramai yang ingin menyumbang hubungi pejabat TS Cares di talian 03-7932 0711.

## Penduduk terharu MB ziarah

**PETALING JAYA** - Penduduk Pangsapuri Gugusan Cempaka di sini terharu menerima kunjungan Dato' Menteri Besar ke rumah mereka ketika Program Team Selangor Cares pada 4 Julai lalu.

Dato' Seri Amirudin turut menyerahkan bantuan bekalan makanan dan barang dapur kepada keluarga memerlukan di pangsapuri berkenaan.

"Hari ini saya diberitahu sebuah badan bukan kerajaan akan menyerahkan bantuan tetapi tak sangka pula Dato' Seri Amirudin Shari yang datang. Terima kasih kerana sudi datang menziarahi saya yang sedang sakit dan kunjungannya sedikit sebanyak menggembirakan kami."



"Dato' Menteri Besar masuk ke rumah saya seperti orang biasa sahaja, terima kasih sudi datang dan melihat kesusahan kami."

"Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) saya dan suami tidak dapat bekerja, emak saya pula sakit tetapi bersyukur kerana Kerajaan Negeri tidak melupakan kami."

Azhar Mohammad, 46

Selvi, 47



Pastikan sidang dewan selamat

# MB, speaker jalani saringan Covid-19

OLEH KHAIRUL AZRAN HUSSIN

**SHAH ALAM** - Seramai 700 individu yang terlibat dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) menjalani saringan Covid-19 pada 7 Julai lalu.

Dato' Menteri Besar berkata pencegahan diambil bagi memastikan persidangan antara 13 hingga 24 Julai depan selamat serta bebas jangkitan wabak.

"Kita perlu sentiasa waspada dengan Covid-19 kerana angka serta fakta menunjukkan lebih separuh kes dijangkiti tidak bergejala tetapi kelompok ini sebenarnya pembawa atau penyebar virus," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 7 Julai.

Beliau berkata penularan Covid-19 di negara ini semakin terkawal, namun rakyat diingatkan mengekalkan disiplin serta mematuhi tatacara operasi piawai (SOP).

Selain Amirudin, barisan EXCO antara 56 wakil rakyat Selangor yang menjalani saringan Covid-19.

Kakitangan DNS dan wartawan termasuk TV Selangor dan SelangorKini turut menjalani saringan sama.



Amirudin melakukan ujian Covid-19 sambil diperhatikan oleh Speaker Dewan Negeri Selangor, Ng Suee Lim di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 7 Julai

## Jarak wakil rakyat kekal, patuh SOP

**SHAH ALAM** - Kedudukan 56 wakil rakyat dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) dikekalkan kerana mematuhi penjarakan sosial, maklum speakernya.

Ng Suee Lim berkata Jabatan Kesihatan Negeri yang membuat pemeriksaan berpuas hati terhadap tatacara operasi piawai (SOP) dewan bagi mencegah penularan Covid-19.

"Jabatan Kesihatan memaklumkan tempat duduk Ahli Dewan Negeri tidak perlu diubah kerana jarak sedia ada mematuhi penjarakan sosial.

"Saya turut menerangkan SOP yang mesti dipatuhi sepanjang persidangan,"

katanya kepada pemberita selepas menjalani ujian di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, pada 7 Julai lalu.

Terdahulu, seramai 700 individu termasuk Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjalani saringan sebagai persiapan menghadiri sidang DNS bermula 13 hingga 24 Julai ini.

## Negeri bantu Orang Asli dapat kerja

**HULU LANGAT** - Masyarakat Orang Asli wajar diberi peluang pekerjaan sama dengan golongan lain, kata EXCO hal ehwal orang asal.

Hee Loy Sian berkata ia dapat meningkatkan tahap sosioekonomi komuniti itu seterusnya membantu menampung pendapatan keluarga.

"Jika kita lihat sekarang ini (Orang Asli) tidak banyak masuk hutan untuk mencari rezeki. Jadi, ini merupakan tanggungjawab kita untuk pastikan mereka dapat peluang pekerjaan sama



seperti orang tempatan," katanya pada 7 Julai lalu.

Loy Sian berkata pihaknya akan bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli untuk menyelesaikan isu kekurangan dan kerosakan rumah penduduk di sekitar perkampungan Kuala Pangsun, di sini.

"Jika tiada elektrik, kita cuba untuk memasang sistem panel solar bagi membolehkan laluan utama masuk ke kampung ini diterangi lampu dan

memudahkan pergerakan pengguna khususnya penduduk di sini," katanya lagi.

Sementara itu, Loy Sian berkata bantuan makanan asas selesai diagihkan kepada 6,000 ketua isi rumah Orang Asli yang terjejas susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, agihan kepada 74 kampung meliputi beras, tepung, gula, susu dan minyak masak bernilai RM50.

"Kita memperuntukkan hampir RM300,000 untuk membantu Orang Asli yang pendapatannya terjejas susulan PKP, justeru kita harap sumbangan ini meringankan beban mereka," katanya.

## Timbalan speaker baharu 13 Julai

**PETALING JAYA** - Timbalan speaker baharu bagi Dewan Negeri Selangor (DNS) diumumkan pada 13 Julai ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata penguaman akan dibuat ketika sesi pembukaan sidang DNS dan beliau menegaskan lantikan tidak mengikut gender mahupun kaum.

"Pemilihan ini dibuat selepas kita mengadakan perbincangan teliti dengan pimpinan tertinggi Kerajaan Selangor, perempuan atau lelaki yang dilantik, itu bukan isunya.

"Begitu juga kita tidak membuat lantikan mengikut kaum tertentu," katanya pada 4 Julai.

Pelan pemulihan ekonomi jangka sederhana dijadual dibentangkan pada hari pertama sidang Dewan Negeri Selangor (DNS).

Ia dirangka untuk tempoh enam bulan terakhir tahun ini bagi memastikan Selangor kekal berdaya saing dan mampan susulan kesan Covid-19.

## Adu keganasan rumah tangga, akhiri derita

**SHAH ALAM** - Individu yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga dinasihatkan segera membuat laporan kepada pihak berkuasa.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata aduan boleh dibuat kepada polis, Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) dan Persatuan Tindakan Semua Wanita (Awam).

"Selangor ingin bersama dalam usaha membanteras keganasan rumah tangga. Laporkan kes yang berlaku dalam komuniti atau diri anda kepada pihak yang sepatutnya," katanya pada 6 Julai.

## Warta 74 kampung Orang Asli pada 2023

**HULU LANGAT** - Selangor menyasarkan semua 74 perkampungan Orang Asli di negeri ini diwartakan dalam tempoh tiga tahun.

EXCO hal ehwal orang asal berkata sebahagian daripadanya berjaya diwartakan manakala baki sedang dilaksanakan secara berperingkat.

"Mereka tidak perlu risau sekiranya dihalau (daripada penempatan) kalau terdapat sebarang aktiviti pembangunan di kawasan mereka," kata Hee Loy Sian pada 7 Julai.

Loy Sian berkata Kerajaan Negeri peruntukkan RM1.5 juta kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk menjalankan kerja pengukuran tanah di seluruh kawasan dan penempatan orang Asal di Selangor.

"Kita tekad membantu mereka (mendapatkan tanah), jadi kita akan beri wang kepada JAKOA untuk buat kerja ukur tanah bagi memudahkan proses menggazetkan kampung terbabit," katanya.

Sebanyak 22 kampung Orang Asli terletak di Kuala Langat, Hulu Selangor (16); Sepang (15); Gombak dan Petaling (12) serta sembilan lagi di Hulu Langat.





## Lebih 5,000 boleh mula berceramah

**SHAH ALAM** - Pembukaan semula masjid dan surau membolehkan 5,175 penceramah bertauliah kembali mengajar dengan mematuhi tatakara operasi piawai (SOP), kata pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Mohd Shahzihan Ahmad berkata peluang ini harus digunakan untuk mengimarahkan semula rumah ibadat sebagai pusat perkembangan agama seperti sebelum ini.

"Pegawai masjid dan surau hendaklah menyediakan takwim yang seimbang berdasarkan tiga ilmu teras iaitu akidah, akhlak dan syariah," katanya seperti dilapor Harian Metro.

Beliau berkata, penceramah juga akan mengambil masa 10 minit untuk memberi penerangan mengenai SOP dalam usaha memerangi Covid-19 di premis ibadat itu setiap kali sebelum memulakan kuliah.

## Jajaran baharu jimat kos

**SHAH ALAM** - Jajaran baharu Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) diputuskan sebelum ini menjimatkan kos bahkan menyelamatkan Permatang Kuarza Gombak.

Bekas menteri pengangkutan berkata pengurangan kos RM21.5 bilion dapat dilakukan jika tidak membina terowong sepanjang 18 kilometer di Banjaran Titiwangsa merentasi Genting Highlands ke Gombak.

"Keputusan itu sekali gus menyelamatkan permatang kuarza yang bakal musnah sekiranya terowong dibina. Kawasan tersebut merupakan khazanah semula jadi negara yang akan diiktiraf UNESCO," kata Anthony Loke Siew Fook pada 6 Julai.

# Selangor popular, catat 33.6 juta pelawat

**SHAH ALAM** - Selangor kekal negeri paling ramai dikunjungi pelawat domestik pada tahun lalu iaitu 33.6 juta berbanding 30.2 juta pada 2018.

Jabatan Perangkaan Malaysia menerusi Survei Pelancongan Domestik 2019 menyatakan negeri lain adalah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (22.6 juta), Sabah (22 juta), Perak (21.1 juta) dan Sarawak (19.8 juta).

Ketua perangkawan Malaysia dalam kenyataan pada 30 Jun berkata seramai 239.1 juta pelawat domestik

dicatatkan pada 2019, bertambah 8.1 peratus berbanding tahun sebelumnya 7.7 peratus.

"Dari segi jumlah perjalanan pelancongan, pelawat domestik melakukan 332.4 juta perjalanan di dalam negara dengan purata 1.39 perjalanan setiap pelawat," kata Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Katanya, perbelanjaan pelancongan domestik kekal mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu 11.5 peratus kepada RM103.2 bilion pada 2019 berbanding

2018, sebanyak 11.4 peratus.

"Membeli-belah mencatatkan peratus sumbangan tertinggi daripada keseluruhan jumlah perbelanjaan pelawat domestik bagi perjalanannya, iaitu 37.8 peratus," katanya.

Beliau berkata majoriti pelawat domestik terdiri kumpulan umur 25 hingga 39 tahun atau 37.8 peratus diikuti umur 15 hingga 24 tahun (26.4 peratus), 40 hingga 54 tahun (24.1 peratus) dan 55 tahun dan ke atas (11.7 peratus).

## Jajaran ECRL rentas Permatang Kuarza Gombak

# Gugat peluang diiktiraf Unesco

OLEH NADIAH ZAMLUS

**SHAH ALAM** - Usaha Selangor meraih status Tapak Warisan Dunia Unesco bagi Permatang Kuarza Gombak akan terjejas sekiranya jajaran Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dikekalkan kepada pelan asal.

EXCO Pengangkutan Awam Ng Sze Han berkata hasrat mendapatkan pengiktirafan dunia kian positif selepas kerajaan Pakatan Harapan (PAKATAN) mengubah laluan ke Klawang, Jelebu dan Nilai.

"Melalui pelan asal (Bentong ke Gombak), jajaran ECRL berisiko terkena Permatang Kuarza Gombak, namun diubah

kerajaan PAKATAN ketika itu dan kita lega. Bagaimanapun, impian mungkin tinggal harapan kerana dihabiskan laluan ECRL ditukar semula," katanya pada 6 Julai.

Sze Han meng-



gesa kerajaan membuat kajian terperinci termasuk mengutamakan pemuliharaan khazanah alam dan meminimumkan harta individu yang terjejas.

Baru-baru ini, sebuah portal perniagaan melaporkan Putrajaya berbincang kemungkinan mengembalikan jajaran asal ECRL melalui Kelantan, Terengga-

nu, dan Pahang menuju Selangor melalui Gombak dan Serendah serta Pelabuhan Klang.

Kerajaan Selangor sebelum ini membantah keras keputusan itu berdasarkan prinsip permohonan mendapatkan status Unesco bagi permatang kuarza terpanjang di dunia.

## PN 'khadam Umno', bakal tumbang

**SHAH ALAM** - Pengerusi Majlis Pimpinan Keadilan Selangor menyifatkan Perikatan Nasional (PN) sebagai "khadam Umno" yang bakal tumbang tidak lama lagi.

Dato' Seri Amirudin Shari juga menganggap gabungan itu kian goyah hingga memaksa mereka merancang mengadakan pilihan raya umum dalam masa terdekat.

Malah, beliau mendakwa PN juga terpaksa menunggu keputusan kes mahkamah membabitkan Datuk Seri Najib Razak yang boleh mempengaruhi sokongan terhadap mereka.

"Sebab itu mereka (PN) merancang buat pilihan raya kerana makin lama mereka makin berpecah,

tambahan (pula) kes Najib ditentukan 28 Julai ini," katanya pada 6 Julai.

"Sebab kalau dia (Najib) kalah, beliau ada hampir 10 orang ahli parlimen yang setia. Kalau enam daripadanya tidak datang ketika pengundian, mereka (PN) akan tewas."

Dato' Menteri Besar turut menegaskan PN cuma memikirkan cara untuk kekal berkuasa tanpa mempedulikan masalah negeri, malah mereka bimbang menjadi kerajaan paling singkat dalam sejarah.

"Ujian pertama adalah lantikan speaker (Dewan Rakyat), mungkin mereka lepas tetapi selepas itu peristiwa besar adalah (kelulusan) belanjawan pada November hadapan," katanya lagi.

## SELANGOR

### SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT** Lembaga Editorial CCSB

**PENGARANG KUMPULAN** Fathi Aris Omar

**KETUA PENGARANG** Fazallah Pit

**PENGARANG** Nurul Farina Nazlan

**PENOLONG PENGARANG** Naeem Raffi, Mohd Ezli Mashut, Afeeqa Afeera, Hafizan Taib & Aishah Amin

### WARTAWAN

Afix Redzuan syafiq@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim nazli@mediaselangor.com,

Khairul Azran Hussin khai@mediaselangor.com

Nadiah Zamlus sitinadiah@mediaselangor.com

Amin Ridzuan Ishak min.ridzuan@mediaselangor.com

Norrasyidah Arshad norrasyidah@mediaselangor.com

Sheeda Fathil sheeda@mediaselangor.com

Zareef Muzammil zareefmuzammil@mediaselangor.com

Aliff Fikri aliff.fikri@mediaselangor.com

**JURUGAMBAR** Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof

**GRAFIK & REKA LETAK** Azwa Malek, Azarina Aziz, Farah Azila Mustapha

### JABATAN PEMASARAN & PENGIKLAMAN

Nadhran Azlan nadhran@mediaselangor.com

Syahir Khadri syahir@mediaselangor.com

## Projek pulihara buah hasil

# Sungai Klang makin bersih

OLEH NORRASYIDAH ARSHAD

**SHAH ALAM** - Projek Selangor Maritime Gateway (SMG) berjaya meningkatkan kualiti air Sungai Klang daripada tahap empat kepada tiga, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata beliau yakin ia boleh mencapai tahap dua dalam masa terdekat menerusi perancangan berterusan.

"Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terdapat tanda positif daripada aspek kebersihan air Sungai Klang. Ini perkembangan baik," katanya pada 2 Julai.

Projek SMG dilaksanakan anak syarikat Kerajaan Selangor, Landasan Lumayan Sdn Bhd pada 2018 yang membabitkan 120 kilometer Sungai Klang. Ia bertujuan menjana semula industri perhotelan, perdagangan, pe-



**Amirudin bersama pemenang Pertandingan Lukisan Komik 'Water You Doing' anjuran SMG di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 2 Julai**

lancongan, perumahan serta industri perkhidmatan.

Meliputi kawasan kira-kira 55,612 hektar sepanjang pesisir sungai berkenaan, projek itu dapat meningkatkan tahap kebersihan air dalam lembangan dan rizab sungai sekurang-sekurangnya pada tahap kedua

indeks kualiti air.

Mengikut indeks kualiti air, tahap satu tidak tercemar manakala peringkat dua memerlukan rawatan konvensional serta boleh digunakan untuk rekreasi, perlu rawatan intensif (tiga), terhad bagi pengairan (empat) dan tercemar teruk (lima).

## 30 peratus wanita pembuat dasar

**SHAH ALAM** - Selangor tekad mencapai sasaran 30 peratus wanita dalam peringkat pembuat dasar dan keputusan terutama dalam sektor kerajaan.

EXCO Kebajikan dan Pemberdayaan Wanita Dr Siti Mariah Mahmud berkata ia mampu diraih berikutan dalam tempoh dua penggal diterajui Pakatan Harapan hampir 25 peratus kaum hawa mula memainkan peranan itu pada pe-

ringkat majlis mesyuarat kerajaan negeri.

"Antara usaha kita laksanakan adalah melalui pelaksanaan Akademi Kepimpinan Wanita (AKW) iaitu sebuah program intensif memantapkan kemahiran serta bertindak sebagai penggilap bakat untuk melahirkan lebih ramai pemimpin di sektor politik dan kerja sosial," katanya pada 30 Jun.

Selain itu, Dr Siti Mariah berkata program Women2Win dijalankan bagi mencungkil bakat wanita muda serta mempersiapkan mereka menghadapi pilihan raya.

Beliau berkata program pembangunan yang tersusun dan tekal pada peringkat akar umbi dapat meningkatkan kecekapan wanita menerusi kepimpinan dan pendidikan.

## Kritikan pembakar semangat ketua kampung wanita

**SHAH ALAM** - Tempoh 100 hari pertama cukup mencabar bagi Rogiah Nordin membuktikan kemampuan wanita menggalas tanggungjawab sebagai ketua kampung.

Beliau antara lima wanita diberi mandat sebagai ketua kampung untuk tempoh dua tahun bermula 2018 dalam usaha mengarusperdanakan gender untuk mempromosi hak dan menangani diskriminasi terhadap wanita di Selangor.

Ketua Kampung Bukit Kepong, Beranang mengakui lumrah masyarakat lebih yakin lelaki mentadbir, namun tidak mematahkan semangat sebaliknya kritikan penduduk menjadi pemangkin menjalankan tanggungjawab dan amanah.

Bagi dirinya, pengalaman 10 tahun menjadi setiausaha ketua kampung

sangat membantu apabila dalam masa kurang sebulan beliau membuktikan kemampuannya sekali gus menolak tanggapan negatif penduduk.

"Mulanya ramai pertikai pelantikan hingga jumpa penghulu mukim. Mereka tanya mengapa wanita, dah tak ada lelaki di kampung ini. Penghulu minta mereka bersabar dan minta tempoh tiga bulan untuk saya buktikan.

"Alhamdulillah kurang sebulan saya dapat selesaikan isu penebangan pokok besar yang menjadi masalah penduduk sejak beberapa tahun. Dari situ saya mula mengorak langkah mentadbir kampung. Penduduk terima dan hingga hari ini hubungan dengan penduduk rapat," katanya pada 5 Julai.

Rogiah, 59, berkata pengalaman

mengikuti ketua kampung terdahulu menguruskan penduduk serta masalah berbangkit membantu dirinya selain kerjasama baik Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

"Masalah tebing sungai runtuh berhampiran rumah penduduk juga selesai. Lebih membanggakan apabila balai raya yang sudah 10 tahun terbengkalai dibbaiki dan dibuka kepada orang awam.

"Saya juga meminta pasukan Agensi Antidadah Kebangsaan memantau aktiviti tidak bermoral bagi memastikan anak muda tidak tersalah langkah," katanya, yang turut berpuas hati dengan prestasinya selepas berjaya membuka peluang perniagaan industri kecil sederhana seperti penjualan rempeyek serta tanaman serai.

## 133 petugas terima insentif jagaan anak

**SHAH ALAM** - Seramai 133 petugas barisan hadapan di Selangor menerima Insentif Penjagaan Anak-anak Frontliners (IPAF) berjumlah RM63,300 setakat ini.

Penolong pengurus korporat Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas) berkata ia membabitkan 88 kakitangan kesihatan, polis (21), Jabatan Pertahanan Awam (15) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (9).

"Permohonan IPAF ditutup secara rasmi semalam (1 Julai) sejak dibuka 20 April lalu dengan 1,419 permohonan diterima dan sedang diteliti.

"Program sepatutnya tamat lebih awal, namun dilanjutkan kerana kita faham semua petugas hadapan menghadapi saat genting membantu negara mengurangkan penerusan Covid-19," kata Sharizan Mohd Shariff pada 2 Julai.

Insentif berjumlah RM1.5 juta yang diumumkan melalui pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin 2.0 memanfaatkan 2,500 keluarga petugas barisan hadapan.

## Sumber air untuk industri, perumahan

**SHAH ALAM** - Pelaksanaan projek Selangor Maritime Gateway (SMG) mampu menjadikan Sungai Klang sebagai sumber air kepada industri dan kawasan perumahan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata ia tidak mustahil sekiranya perancangan baik dijalankan hingga meningkatkan kualiti air.

"Projek ini turut menjamin kemajuan pembangunan sepanjang tebing Sungai Klang.

"Matlamat projek ini untuk bersihkan (Sungai Klang) dan mengesan faktor ekonomi boleh digerakkan sepanjang sungai," katanya pada 2 Julai.

## Penantian 19 tahun bakal berakhir

**SHAH ALAM** - Pembeli Pangsapuri Lestari Putra, Puchong bakal menerima kunci rumah selewat-lewatnya hujung Ogos ini.

EXCO Perumahan Haniza Talha berkata projek itu terbengkalai hampir 19 tahun susulan pemaju mufliis.

"Saya dapat bayangkan betapa seronoknya pembeli apabila mendapat kunci kelak. Sudah terlalu lama mereka menunggu," katanya pada 2 Julai.

Beliau turut berbincang dengan pemaju dan syarikat utiliti bagi memudahkan urusan mendapatkan sijil perakuan kelayakan (CF).

Kerajaan Negeri berjaya menyiapkan 82 daripada 179 projek perumahan dan komersial terbengkalai sejak 2008.

Projek meliputi 33,421 unit berdepan isu mendapatkan dokumen projek asal, pertukaran kebenaran pembangunan dan kewangan.





## Kaunseling bantu rakyat hilang kerja

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri bakal memperkenalkan kaunseling usahawan dalam talian bagi membantu orang ramai khususnya wanita hilang pekerjaan atau menghadapi masalah dalam perniagaan.

EXCO pembangunan usahawan berkata program dijangka bermula bulan ini memberi kelebihan berbanding komunikasi satu hala yang menyediakan bantuan tanpa mengambil kira masalah golongan berkaitan.

"Menerusi kaunseling usahawan ini kita akan dengar, bimbing dan bantu mengikut kemampuan.

"Khidmat ini turut menyediakan pakar kaunseling berpengalaman. Harapan saya supaya lebih ramai memanfaatkan perkhidmatan ini," kata Rodziah Ismail pada 6 Julai.

Beliau turut menasihati individu yang hilang punca pendapatan merujuk bantuan disediakan Kerajaan Negeri atau mana-mana agensi berkaitan.

## Kes denggi turun, kekal waspada

**SHAH ALAM** - Kes denggi di Selangor mencatat penurunan 16.8 peratus iaitu 31,007 kes sehingga minggu 27 yang berakhir 6 Julai, kata pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS).

"Ia kurang 6,265 berbanding 37,263 kes dalam tempoh sama tahun lalu dengan Petaling muncul daerah tertinggi iaitu 10,944 kes diikuti Klang (5,829), Hulu Langat (5,625), Gombak (4,457) dan Sepang (1,720).

"Kematian turut menurun tiga kes iaitu 31 berbanding 34 pada minggu sama tahun lalu," kata Dato' Dr Sha'ari Ngadiman.

Beliau berkata jumlah lokaliti wabak denggi aktif adalah 340 dengan 42 perincian lokaliti kawasan khas (hotspot), wabak tidak terkawal (40), wabak terkawal (235) dan wabak baharu (23).

Justeru, JKNS menyeru masyarakat bertindak proaktif melibatkan aktiviti kawalan serta pencegahan denggi bagi memutuskan pemindahan jangkitan.

## Benteng: Polis pantau Pulau Ketam

**SHAH ALAM** - Polis Selangor memantau rapi Pulau Ketam daripada diceroboh pendatang asing tanpa izin menerusi Op Benteng sejak 21 Jun lalu.

Dalam kenyataan, pihak berkuasa itu memaklumkan operasi dipertingkatkan mengekang kemasukan kumpulan berkenaan menggunakan jalan tikus dengan mengawal ketat sempadan terutama sepanjang perairan negeri ini.

"Operasi juga bertujuan menyekat penularan pandemik Covid-19," katanya.

Pada 30 Jun, Timbalan Ketua Polis Selangor Dato' Arjunaidi Mohamed membuat rondaan di Pulau Ketam serta tinjauan di sekitar kawasan perairan negeri.

## Tingkat upaya pasaran dalam talian

# Usahawan digalakkan sertai Seldec

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

**PETALING JAYA** - Usahawan digalakkan menyertai program Rangkaian E-Bekalan Digital Selangor (Seldec) bagi meningkatkan keupayaan sistem perniagaan dalam talian.

EXCO Usahawan berkata peniaga tidak boleh bergantung penjualan gerai secara fizikal semata-mata sebaliknya perlu meneroka peluang perniagaan melalui wadah itu.

"Mereka (usahawan) boleh mendaftarkan diri lebih-lebih lagi kita sudah memiliki platform tersendiri yang membantu memperluaskan rangkaian perniagaan," kata Rodziah Ismail pada 3 Julai.

Beliau turut menjangka 7,800 peluang pekerjaan ditawarkan menerusi rangkaian Seldec Rider.

"Justeru, Seldec memastikan rangkaian lebih besar di seluruh Selangor dapat diwujudkan dan paling penting sistem ini boleh menampung barangan

agak sensitif seperti pemprosesan antaranya ais krim dan kek," katanya.

Diterajui Selangor Industrial Corporation Sdn Bhd (SIC), Seldec dilancarkan pada 3 Oktober tahun lalu bagi menghubungkan pembeli dan penjual secara langsung melalui pautan <https://www.seldec.com.my/en>

Seldec Rider yang dilancarkan pada 20 Jun lalu mempelawa belia 21 tahun ke atas menyertainya bagi menambah pendapatan.

## Biometrik elak salah guna lesen



Rodziah melihat penggunaan sistem biometrik ketika melawat pasar pagi MBPJ di Medan @ SS2, Petaling Jaya pada 3 Julai

**PETALING JAYA** - Selangor menyasarkan penggunaan sistem biometrik di pasar awam seluruh negeri menjelang 2022 bagi mengekang penyalahgunaan lesen.

EXCO Pembangunan Usahawan Rodziah Ismail berkata ketika ini hanya Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) membuat pengesahan identiti peniaga menggunakan kaedah tersebut.

"Memandangkan sistem ini tiada di tempat lain, maka kita tidak dapat mengenal pasti sama ada dia (peniaga) pemilik lesen sebenar atau sebaliknya.

"Kita beri tempoh selama dua tahun untuk selesaikan bagi memberi peluang kepada peniaga tempatan meneruskan perniagaan," katanya pada 3 Julai.

Rodziah turut memuji langkah MBPJ melaksanakan sistem tersebut bermula tahun lalu yang memudahkan peman-tauan penguat kuasa di lapangan dan mengesan pemegang lesen.

"Hari ini terbukti mereka (peniaga) bukan sahaja mematuhi syarat Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan, malah saya lihat tiada warga asing berniaga di sini," katanya lagi.

## Bawa bekas makanan ke pasar

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri menggalakkan pelanggan membawa bekas makanan sendiri ketika membeli makanan di pasar awam termasuk pasar pagi dan malam.

EXCO alam sekitar berkata ia bagi mengurangkan penggunaan beg plastik yang berisiko memberi kesan pencemaran alam sekitar.

"Kita akan mempergiatkan program kempen kesedaran melalui poster supaya mereka (pelanggan) dapat mengurangkan penggunaan beg plastik di pasar-pasar berkaitan," kata Hee Loy Sian pada 5 Julai.

Selangor mengenakan caj 20 sen bagi setiap pembelian beg plastik di pasar raya berdaftar dengan pihak berkuasa

tempatan (PBT) sejak 2016.

Kutipan diuruskan PBT disalurkan ke Akaun Tabung Amanah Selangor dan Akaun Tabung Amanah PBT bagi program berkaitan alam sekitar.

Namun, Loy Sian berkata pihaknya belum bercadang memperluaskan program kutipan caj beg plastik di pasar awam, pasar pagi, pasar malam dan pasar basah.





**LAKAR...** Suhaimi Ali, 27, menzahirkan penghargaan kepada Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah di dinding sebuah bangunan di Seksyen U12, Shah Alam kerana usaha mengekang penularan wabak Covid-19. Pelukis itu juga melakarkan wajah Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin. Foto Facebook Suhaimi Ali

## Diskaun bil elektrik hingga Disember

**KUALA LUMPUR** - Pemberian diskaun bil elektrik yang sebelum ini diumumkan bagi tempoh April hingga September 2020 dilanjutkan sehingga 31 Disember bagi semua pengguna domestik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli.

Datuk Shamsul Anuar Nasarah berkata seramai 7.66 juta pengguna domestik di semenanjung terus menikmati diskaun bil elektrik di antara dua hingga 50 peratus dari 1 Oktober sehingga 31 Disember sebagai lanjutan kepada diskaun elektrik yang diumumkan 27 Mac di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN).

"Pelanjutan ini turut terpakai bagi pengguna elektrik dengan penggunaan di antara 601 hingga 900kWj yang mula mendapat diskaun 10 peratus di bawah Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) yang diumumkan kerajaan pada 20 Jun," menurutnya pada 2 Julai.

Beliau berkata pengguna domestik di Sabah dan Sarawak pula akan terus menerima diskaun bil elektrik sebanyak dua peratus sehingga 31 Disember yang akan memanfaatkan kira-kira 520,000 penduduk di Sabah dan 580,000 penduduk di Sarawak. -BERNAMA

## Bendung wabak Covid-19

# Malaysia diiktiraf berjaya

**PUTRAJAYA** - Malaysia diiktiraf antara negara yang amat berjaya di dunia dalam mengawal dan menguruskan wabak Covid-19, kata Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Berucap pada perjumpaannya bersama kira-kira 250 warga Jabatan Perdana Menteri di sini pada 6 Julai beliau berkata kejayaan tersebut adalah berkat usaha kesungguhan dan kerjasama semua pihak di peringkat kerajaan hingga masyarakat.

"Kita bersyukur kerana Malaysia telah dapat melalui satu tempoh masa yang amat mencabar iaitu untuk menangani wabak Covid-19 yang telahpun melanda dunia dan Malaysia tidak terkecuali.

"Kesemuanya ini kerana adanya usaha bersungguh-sungguh kita bersama-sama, baik di peringkat kerajaan mahupun rakyat jelata, menguruskan secara bijaksana, tegas dan berani membuat keputusan yang segera dan tepat untuk menentukan wa-

bak penyakit ini tidak menular dalam kalangan masyarakat," katanya.

Beliau berkata kerajaan tidak memandang remeh sesuatu isu sekiranya ia melibatkan kesejahteraan rakyat walaupun Malaysia tidak mempunyai pengalaman berhadapan dengan wabak sedemikian dalam tempoh lebih 60 tahun.

Muhyiddin turut menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada penjawat awam dan petugas barisan hadapan atas usaha menangani Covid-19 termasuk doktor, jururawat, tentera, polis, Majlis Keselamatan Negara, Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Beliau berkata kini Malaysia sudah sampai ke peringkat Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), iaitu satu fasa yang boleh dikatakan memberi banyak ruang untuk memulakan semula kehidupan seperti biasa. - BERNAMA



### Kediaman

SWANS 22' x 70' (Dalam pembinaan)  
LIVIA 20' x 60' | 20' x 65' (Siap dibina dan memperolehi CCC)

### Komersial

BLOSSOM DRIVE 25' x 60' (Siap dibina dan memperolehi CCC)  
BLOSSOM SQUARE 25' x 70' | 25' x 75' | 22' x 70' | 22' x 75' (Siap dibina dan memperolehi CCC)

**WAZE GALERI JUALAN BANDAR RIMBAYU**  
BANDAR RIMBAYU SDN BHD (568093-K)  
No.1, Jalan Flora 3, Bandar Rimbau,  
42500 Telok Panglima Garang, Selangor Darul Ehsan

Isnin - Jumaat : 9pg - 5ptg  
Sabtu, Ahad & Cuti Umum : 10pg - 5ptg

1800 22 8686

SWANS (Phase 11a) Nama Pemaju: Bandar Rimbau Sdn Bhd (568093-K) No.1, Jalan Flora 3, Bandar Rimbau, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor. • No. Lesen Pemaju: 12392-14/01-2021/27(L) Tempoh Sah: 09/01/2019 hingga 08/01/2021 • No. Permit Jualan dan Pengiklanan: 12392-14/01-2021/27(P) Tempoh Sah: 09/01/2019 hingga 08/01/2021 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Daerah Kuala Langat • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MDKL/JKB/2/4/1253. • Beban Tanah: Dical kepada RHB Bank Bhd. Hak Milik Tanah: Pajakan 99 tahun (Tarikh Perputusan: 23/12/2111). • Tarikh Jangka Siap: April 2021. • Diskaun Bumiputera: 7%. • Jenis Kediaman: Rumah Teres Dua Tingkat (22' x 70'). • Jumlah Unit: 84 unit. • Harga Jualan: RM1,095,800 (Minima), RM1,655,800 (Maksima). • Sekatan-Sekatan Penting: Tanah ini boleh dipindah milik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa negeri. (Phase 11b) Nama Pemaju: Bandar Rimbau Sdn Bhd (568093-K) No.1, Jalan Flora 3, Bandar Rimbau, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor. • No. Lesen Pemaju: 12392-15/04-2021/0383(L) Tempoh Sah: 25/04/2019 hingga 24/04/2021 • No. Permit Jualan dan Pengiklanan: 12392-15/04-2021/0383(P) Tempoh Sah: 25/04/2019 hingga 24/04/2021 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Daerah Kuala Langat • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MDKL/JKB/2/4/1253. • Beban Tanah: Dical kepada RHB Bank Bhd. Hak Milik Tanah: Pajakan 99 tahun (Tarikh Perputusan: 23/12/2111). • Tarikh Jangka Siap: Oktober 2021. • Diskaun Bumiputera: 7%. • Jenis Kediaman: Rumah Teres Dua Tingkat (22' x 70'). • Jumlah Unit: 111 unit. • Harga Jualan: RM1,095,800 (Minima), RM1,706,800 (Maksima). • Sekatan-Sekatan Penting: Tanah ini boleh dipindah milik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa negeri. IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA





## Risau campur tangan kerajaan

**SHAH ALAM** - Datuk Seri Anwar Ibrahim risau campur tangan kerajaan dalam Petrolia Nasional Bhd (Petronas) menyebabkan unjuran penilaian terhadap syarikat minyak nasional itu merosot.

Presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) berkata penilaian semula badan penarafan dunia S&P Global, daripada stabil kepada negatif, boleh menjejaskan syarikat itu.

"Ketidastabilan di Petronas memberi dampak negatif kepada ekonomi negara dan mengesankan pelabur antarabangsa," katanya pada 2 Julai.

Baru-baru ini, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin meletak jawatan selepas lima tahun menerajui satu-satunya syarikat Malaysia yang terse-narai dalam Fortune 500.

## Anwar kekal calon perdana menteri

**SHAH ALAM** - Majlis Presiden Pakatan Harapan (PAKATAN) mengekalkan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai calon perdana menteri.

Majlis itu turut memberikan ruang kepada Anwar meneruskan perbincangan dengan semua pihak termasuk Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal untuk mengembalikan mandat rakyat dan PAKATAN sebagai Kerajaan Persekutuan.

Kenyataan bersama pada 6 Julai membabitkan Anwar selaku Presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN); Presiden Amanah, Mohamad Sabu dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng.

Majlis berkenaan turut membincangkan cadangan pencalonan Shafie yang juga Presiden Warisan sebagai perdana menteri.

Pada 24 Februari lalu, PAKATAN memutuskan Anwar dinamakan sebagai calon perdana menteri.

## KEADILAN Ampang tetap kukuh

**SHAH ALAM** - Cabang Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) Ampang kekal kukuh dan tidak dibubarkan seperti dakwaan bekas anggotanya.

Dalam kenyataan bersama 23 ahli jawatankuasa (AJK) cabang itu, mereka menafikan sekeras-kerasnya tohmahan berkenaan.

"Kami AJK Cabang Ampang masih kekal setia dan yakin dengan kepimpinan Presiden KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Dato' Seri Amirudin Shari selaku pengerusi Majlis Pimpinan KEADILAN Selangor," kata mereka.

Kenyataan itu dibuat 19 AJK yang dipilih, tiga lantikan dan seorang lagi pengerusi tetap cabang.

Mereka bertekad meneruskan mandat rakyat yang diamanahkan kepada KEADILAN sekalipun beberapa pemimpin mengkhianati kepercayaan pengundi.

Jika pilihan raya tergepar diadakan

# Negeri PAKATAN tidak ikut bubar

OLEH NADIAH ZAMLUS

**SHAH ALAM** - Majlis Presiden Pakatan Harapan (PAKATAN) memutuskan tiga negeri yang ditadbir gabungan itu tidak dibubar jika pilihan raya umum (PRU) diadakan sebelum tempoh mandat berakhir.

Kenyataan bersama Presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN), Datuk Seri Anwar Ibrahim, Presiden Parti Amanah Negara, Mohamad Sabu dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng turut mahu usaha ditumpukan membantu rakyat selepas wabak Covid-19.

"Justeru, kami berpandangan sekiranya berlaku PRU tergepar, maka kerajaan-kerajaan negeri yang ditadbir PAKATAN sewajarnya diteruskan dan tidak dibubarkan," menurut kenyataan pada 6 Julai.

Majlis Presiden juga mahu meneruskan usaha mengembalikan mandat rakyat dengan menjadikan PAKATAN sebagai Kerajaan Persekutuan. Mesyuarat tersebut diadakan menjelang sidang Parlimen yang dijadual pada 13 Julai.



Anwar mempengerusikan mesyuarat Majlis Presiden PAKATAN di Ibu Pejabat KEADILAN pada 6 Julai

## Guna hasil cukai tangani isu rakyat

**SHAH ALAM** - Kerajaan Persekutuan perlu menggunakan hasil cukai bagi menampung keperluan hampir 1.5 juta rakyat yang hilang pekerjaan akibat Covid-19, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) berkata pendekatan itu penting supaya isu pengangguran ditangani seterusnya negara tidak berdepan masalah sosial dan ekonomi.

"Selaku pemerintah bertanggungjawab, mereka harus mengambil tindakan segera supaya hal ini tidak berlaku," katanya pada 4 Julai lalu.

Dalam isu berkaitan, Anwar berkata

**Selaku pemerintah bertanggungjawab, mereka harus mengambil tindakan segera supaya hal ini (masalah sosial) tidak berlaku**

**ANWAR IBRAHIM**  
Presiden KEADILAN

ahli akademik dan profesional pula perlu bekerjasama mengkaji dasar lebih jelas menentukan hala tuju negara terutama dalam bidang pertanian, alam sekitar dan kesihatan.

Beliau juga percaya negara mampu menjimatkan perbelanjaan secara berperingkat kerana dianggarkan hampir RM52 bilion dibelanjakan setiap tahun mengimport makanan.

"Keupayaan hospital sedia ada juga perlu diteliti semula bagi memenuhi keperluan tambahan pada masa hadapan dengan peningkatan masalah kesihatan seperti kencing manis dan obesiti," katanya.

## Kaji semula kes Malaysiakini

**SHAH ALAM** - Peguam negara digesa mengkaji semula pendakwaan terhadap portal berita Malaysiakini atas tuduhan menghina mahkamah berdasarkan komen pembaca portal itu.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata keputusan mahkamah menolak permohonan membatalkan prosiding itu memberi kesan kepada kebebasan media di negara ini termasuk hak bersuara dalam talian.

Presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) menegaskan kerajaan harus menunjukkan etika dan tatacara terbaik kerana peranan media dalam sistem demokrasi sangat penting.

"Justeru, saya melihat apa saja bentuk hukuman kepada mereka bertentangan dengan semangat demokrasi," katanya.

Pada 2 Julai, Mahkamah Persekutuan menolak permohonan portal berita itu dan ketua pengarangnya Steven

Gan mengetepikan perintah prosiding berkenaan. Anwar turut mengingatkan kerajaan supaya mengakui dan mengambil kira kebebasan bersuara yang dijamin Perlembagaan, bukannya mencontohi rejim sebelumnya yang menyekat peranan media.

Pengerusi Pakatan Harapan juga menyifatkan pendakwaan berkenaan sebagai tindakan salah dan keterlaluan sekali gus memangsakan media.





# NOTIS GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL

Kerja-Kerja Penambahbaikan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (LRA SSP3)


Tarikh: 14 Julai 2020, 9.00 pagi

## TEMPOH MASA KESELURUHAN PELAKSANAAN



Pelaksanaan kerja dan pemulihan Loji Rawatan Air (24 Jam)

Pemulihan wilayah secara berperingkat (Sehingga 56 Jam)



## KAWASAN-KAWASAN TERLIBAT DAN JANGKAAN WAKTU PEMULIHAN

Tarikh: 14 Julai 2020 (9.00 pagi) - 17 Julai 2020 (5.00 petang)

| PETALING  | KLANG  |   |  |  | KUALA LUMPUR   |   |   |   |  |  |
|---|--|---|--|--|--|---|---|---|--|--|
| <p>9:00 Pagi (14/7/2020)<br/>Hingga 9:00 Pagi (17/7/2020)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Aman Putri U17</li> <li>Bandar Puchong Jaya</li> <li>U16, Denai Alam</li> <li>Hicom Glenmarie</li> <li>Hyatt Saujana</li> <li>Jln. Puchong Batu 7 hingga Jln. Puchong Batu 13</li> <li>Jln. Subang Airport</li> <li>Kg. Bohol</li> <li>Kg. Lembah Kinrara</li> <li>Kg. Tengah Puchong</li> <li>Lembah Subang PJJU 1A</li> <li>One Puchong</li> <li>Pinggiran USJ</li> <li>Pinggiran USJ 3</li> <li>PJS 1 hingga PJS 11</li> <li>Puchong Mesra</li> <li>Pusat Bandar Puchong</li> <li>Putra Avenue</li> <li>Putra Harmoni</li> <li>Putra Setia</li> <li>SIRIM</li> <li>SS 7, Subang Jaya</li> <li>Tmn. Alam Sutera</li> <li>Tmn. Damai Utama</li> <li>Tmn. Kandan</li> <li>Tmn. Kasawari</li> <li>Tmn. Lake Edge</li> <li>Tmn. Maju Jaya</li> <li>Tmn. Metro Puchong</li> <li>Tmn. Perindustrian Puchong Utama</li> <li>Tmn. Puchong Indah</li> <li>Tmn. Puchong Perdana</li> <li>Tmn. Puchong Permai</li> <li>Tmn. Tasik Prima</li> <li>Tmn. Perindustrian 1 hingga Tmn. Perindustrian 7</li> <li>TUDM Kinrara</li> <li>USJ 3A, USJ 3B, USJ 3C &amp; USJ 3D</li> <li>USJ Height</li> <li>Zero Lot Temasya Glenmarie</li> </ul> | <p>9:00 Pagi (14/7/2020)<br/>Hingga 9:00 Pagi (16/7/2020)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ambang Botanik</li> <li>Armada Putera</li> <li>Bandar Botanik</li> <li>Bandar Bukit Tinggi 1</li> <li>Bandar Bukit Tinggi 2</li> <li>Bandar Klang (Batu 1 - Batu 3 Jln. Meru)</li> <li>Bandar Parkland</li> <li>Bandar Putera 2</li> <li>Bandar Puteri</li> <li>Bandar Putra Heights</li> <li>Berkeley/Eng Ann/Bandar Baru Klang</li> <li>Bukit Bayu</li> <li>Bukit Kuda &amp; Jln. Batu 3 Lama</li> <li>Bukit Rimau</li> <li>Cahaya SPK</li> <li>Glenmarie Cove</li> <li>Glenn Cruise</li> <li>Hospital Ampuan Rahimah</li> <li>Intekma Seksyen 7</li> <li>Jln. Dato' Hamzah</li> <li>Jln. Istana</li> <li>Jln. Kota</li> <li>Jln. Kota Raja</li> <li>Jln. Padang</li> <li>Jln. Raja Lumu</li> <li>Jln. Raya Barat</li> <li>Jln. Raya Timur</li> <li>Jln. Stesen &amp; Solok Besar</li> <li>Jln. Tengku Badar</li> <li>Jln. Tengku Diauddin</li> <li>Jln. Tengku Kelana</li> </ul> | <p>9:00 Pagi (14/7/2020)<br/>Hingga 9:00 Pagi (17/7/2020)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jln. Kem</li> <li>Jln. Limbungan</li> <li>Kg. Kastam</li> <li>Kawasan Perindustrian Bukit Raja Selatan</li> <li>Kg. Jawa</li> <li>Kg. Pendarar</li> <li>Kota Pendarar</li> <li>Laguna Park</li> <li>Lorong Tingkat &amp; Rembau</li> <li>Perindustrian Pulau Indah Fasa 1</li> <li>Perindustrian Pulau Indah Fasa 2</li> <li>Persiaran Raja Muda Musa</li> <li>Perumahan Bandar Sultan Sulaiman Fasa 1</li> <li>Perumahan Bandar Sultan Sulaiman Fasa 2</li> <li>Perumahan Bandar Sultan Sulaiman Fasa 3</li> <li>Pinggiran Subang USJ 3</li> <li>Port Klang Free Zone (PKFZ)</li> <li>Puncak Perdana</li> <li>Seksyen 2 hingga Seksyen 15, Shah Alam</li> <li>Seksyen 16 &amp; Padang Jawa</li> <li>Seksyen 17 hingga Seksyen 22, Shah Alam</li> <li>Seksyen U11</li> <li>Seksyen U12</li> <li>Seksyen U8, Bukit Jelutong</li> <li>Sepanjang Jln. Goh Hock Huat</li> <li>Subang Impian</li> <li>Sunway Kayangan</li> <li>Sunway Suria</li> <li>Tmn. Bayu Mas</li> <li>Tmn. Bayu Tinggi</li> <li>Tmn. Berembang</li> <li>Tmn. Bukit Rimau</li> <li>Tmn. Chi Liung</li> <li>Tmn. Desawan</li> <li>Tmn. Gembira</li> <li>Tmn. Klang Jaya</li> <li>Tmn. Palm Groove</li> <li>Tmn. Pendarar Indah</li> <li>Tmn. Putramas</li> <li>Tmn. Selatan</li> <li>Tmn. Subang Mas</li> <li>Teluk Gadong Kecil</li> <li>Tmn. Alam Impian</li> <li>Tmn. Petaling Indah</li> <li>Tmn. Radzi Teluk Gadong Besar</li> </ul> | <p>9:00 Pagi (14/7/2020)<br/>Hingga 9:00 Pagi (17/7/2020)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>UITM Shah Alam Kampus Induk</li> <li>Bandar Bestari</li> <li>Batu Belah &amp; Teluk Kapas</li> <li>Jln. Raja Nong</li> <li>Jln. SyahBandar</li> <li>Kg. Raja Uda</li> <li>Kg. Kebun Bunga</li> <li>Pandamaran</li> <li>Seksyen 23 &amp; Seksyen 24, Shah Alam</li> <li>Seksyen 26 hingga Seksyen 29, Shah Alam</li> <li>Seksyen 33, Shah Alam</li> <li>Sungai Putus</li> <li>Tmn. Bayu Perdana</li> <li>Tmn. Bijaya Kg. Jawa</li> <li>Tmn. Samudera</li> <li>Tmn. Suria Pendarar</li> <li>Teluk Gedung Indah</li> <li>Tmn. Desa Kemuning</li> </ul> | <p>9:00 Pagi (14/7/2020)<br/>Hingga 9:00 Pagi (16/7/2020)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kg. Lombong</li> <li>Kg. Sungai Kandis</li> <li>Pangsapuri Sri Perantau</li> <li>Pelabuhan Utara</li> <li>Perepat</li> <li>Pulau Ketam</li> <li>Seksyen 25, Shah Alam</li> <li>Seksyen 30, Shah Alam</li> <li>Seksyen 31, Shah Alam</li> <li>Sementa</li> <li>Sungai Sireh</li> <li>Tmn. Amg Batu Bukit Kemuning</li> <li>Tmn. Maznah</li> <li>Tmn. Sentosa</li> <li>Tmn. Sri Andalas</li> <li>Tmn. Kandis Permai</li> <li>Westport</li> <li>Wisma Polis Marin Pulau Indah</li> </ul> | <p>9:00 Pagi (14/7/2020)<br/>Hingga 9:00 Pagi (16/7/2020)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Alpha Villa Apartment</li> <li>AU4 Keramat</li> <li>Ayer Panas, Setapak</li> <li>Batu 3 - Batu 5 Gombak</li> <li>Dataran Wangsa</li> <li>Hospital Tentera</li> <li>Jln. Genting Kelang / Jln. Pahang</li> <li>Jln. Usahawan</li> <li>Kg. Bandar Dalam</li> <li>Kg. Padang Balang</li> <li>Kg. Puah</li> <li>Kg. Sungai Merali</li> <li>Langgak Bukit</li> <li>PPRT Air Panas</li> <li>PPRT Prima Setapak</li> <li>Pulapot Jln. Genting Kelang</li> <li>Sebahagian Kawasan AU4 Keramat</li> <li>Seksyen 1 &amp; Seksyen 2, Wangsa Maju</li> <li>Seksyen 10, Wangsa Maju</li> <li>Seksyen 4, Wangsa Maju</li> <li>Seksyen 5, Wangsa Maju</li> <li>Seksyen 6, Wangsa Maju</li> <li>Setapak Indah Jaya</li> <li>Sultan Mizan</li> <li>Tmn. Andaman</li> </ul> | <p>9:00 Pagi (14/7/2020)<br/>Hingga 9:00 Pagi (17/7/2020)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jln. Maktab</li> <li>Jln. Semarak (Jln. Sultan Yahya Petra)</li> <li>PULAPOL</li> <li>Jln. Gurney</li> <li>Jln. Perumahan Gurney</li> <li>Jln. Padang Tembak</li> <li>Kementah (MINDEF)</li> <li>Jln. Jelatek</li> </ul> | <p>9:00 Pagi (14/7/2020)<br/>Hingga 9:00 Pagi (17/7/2020)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Tmn. Bukit Wangsa Mas</li> <li>Tmn. Danau Kota</li> <li>Tmn. Desa Gombak</li> <li>Tmn. P. Ramlee</li> <li>Tmn. Wangsa Jaya</li> <li>Villa Wangsa Mas</li> <li>Wangsa Delima</li> <li>Wangsa Maju</li> <li>Wangsa Melawati</li> </ul> | <p>9:00 Pagi (14/7/2020)<br/>Hingga 9:00 Pagi (17/7/2020)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kg. Datuk Keramat</li> <li>Wisma Transit Kuala Lumpur</li> <li>Rejimen 515 Askar Wataniah</li> </ul> | <p>9:00 Pagi (14/7/2020)<br/>Hingga 9:00 Pagi (17/7/2020)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jln. Sijangkang Utama</li> <li>Tmn. Perwira</li> <li>Tmn. Seri Medan</li> <li>Tmn. Sijangkang Jaya</li> </ul> | <p>9:00 Pagi (14/7/2020)<br/>Hingga 9:00 Pagi (17/7/2020)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Batu 9 Kebun Baru</li> <li>Eco Sanctuary</li> <li>Kawasan Sijangkang &amp; Kampung Medan</li> <li>Tropicana Aman</li> </ul> |







AS kekal negara paling terjejas

# Covid-19 ragut lebih 530,000 nyawa



Seorang pekerja kesihatan memakai sut pelindungan diri membawa sampel ujian calitan berjalan melalui pasar tradisional di Jakarta, Indonesia pada 25 Jun. Foto REUTERS

OLEH KHAIRUL AZRAN HUSSIN

**SHAH ALAM** - Pandemi Covid-19 meragut 531,789 nyawa di seluruh dunia setakat 6 Julai sejak virus itu mula dikesan di China pada Disember tahun lalu.

Sebanyak 11.36 juta kes positif direkodkan di 196 negara dengan 5.9 juta pesakit pulih manakala angka jangkitan di seluruh dunia meningkat kepada 160,000 kes dalam tempoh 24 jam, lapor AFP.

Amerika Syarikat (AS) kekal sebagai negara paling terjejas dengan merekodkan 129,718 kematian daripada 2.87 juta kes.

Brazil yang berada di belakang AS mencatatkan 64,265

kematian daripada 1.57 juta kes.

Rusia dan India pula melepasi angka jangkitan setengah juta, masing-masing merekodkan 680,000 dan 673,000 kes.

Sebelas negara merekodkan kes positif melebihi 200,000 iaitu Peru, Chile, United Kingdom, Mexico, Sepanyol, Itali, Iran, Pakistan, Arab Saudi, Turki dan Perancis.

Negara yang mencatatkan angka positif melebihi 100,000 kes pula ialah Jerman, Afrika Selatan, Bangladesh, Colombia dan Kanada.

Bagi rantau Asia Tenggara, Indonesia tertinggi dengan jumlah kes Covid-19 lebih 62,000 kes, diikuti Singapura 44,000 kes.

## 82 hari Vietnam bebas wabak

**HANOI** - Vietnam berjaya mengekalkan sifar kes Covid-19 dalam kalangan komuniti selama 82 hari berturut-turut, menurut Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan untuk Pencegahan dan Pengawalannya.

Setakat 7 Julai, Vietnam merekodkan 369 kes jangkitan termasuk 229 kes import yang dikuarantin semasa tiba di negara ini,

lapor agensi berita Vietnam (VNA).

Daripada jumlah itu 341 pesakit atau 92.4 peratus sudah sembuh dan tiada kematian dilaporkan.

Seramai 13,047 kontak pesakit atau mereka yang pulang dari kawasan dilanda wabak masih dikuarantin sama ada di hospital, pusat khas atau di rumah. -BERNAMA

Pemilik hartanah di Negeri Selangor?

**SEMAK DAN BAYAR  
CUKAI TANAH/PETAK**

Elak Fi Tunggakan sebelum  
31 JULAI 2020\*\*\*

**CUKAI TANAH  
BUKAN  
CUKAI PINTU!**

**Cara-cara membuat pembayaran:**

**01  
KAUNTER**

Melalui kaunter di seluruh Selangor seperti:

1. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)
2. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) - kecuali MPAJ & MPSJ
3. Pejabat Tanah & Galian Negeri Selangor (PTGS)
4. Cawangan Pejabat Pos di Seluruh Malaysia

**02  
ATAS  
TALIAN**

Melalui FPX: Menerusi portal <https://ehasil.selangor.gov.my> dengan menggunakan nombor akaun baharu (14 digit).

Melalui Perbankan Internet Maybank2u dan CIMB Clicks Menggunakan nombor akaun baharu (14 digit) kepada Pejabat Pengarah Tanah & Galian Selangor.



**CIMB Clicks**



**SEMAKAN BOLEH DILAKUKAN MENERUSI**  
<https://ehasil.selangor.gov.my> **ATAU**  
**mySMS 15888**

**Langkah 1**

Taipkan:  
PTGS CUKAI [No. Akaun] dan hantar sms ke 15888  
Contoh:  
PTGS CUKAI 020217000635800227167  
(Nombor akaun lama : 21 digit)  
atau  
PTGS CUKAI 55102110461008  
(Nombor akaun baru : 14 digit)

**Langkah 2**

Contoh mesej penerimaan:  
RM0.20 PTGS: No. Akaun 020217000635800227167  
sehingga 2020 berjumlah RM53.00.  
Tunggakan bermula 1 Ogos.  
Sila layari <https://ehasil.selangor.gov.my>

\*Caj penghantaran RM0.15, Caj Penerimaan RM0.20.

\*\*Untuk makluman, Nombor Akaun Bil Sewa Tanah (Cukai Tanah) telah berubah daripada 21 digit (nombor akaun lama) kepada 14 digit (nombor akaun baharu) berkuatkuasa pada 1 Januari 2019.

\*\*\*Pakej Rangsangan Selangor Prihatin menangani kesan COVID-19: Tempoh akhir pembayaran cukai tanah/petak dilanjutkan dari 31 Mei 2020 kepada 31 Julai 2020.



OLEH ALIFF FIKRI | FOTO IHSAN FAS

DUA JARINGANNYA  
TURUT TUMBANGKAN  
ARSENAL

**M**okhtar Dahari membawa bola dari tengah padang. Sambil berlari lincah – dengan liuk tubuh mengelirukan – beliau pantas mengelecek dua pemain England.

Sebaik sahaja melepasi Alan Kennedy dan David Needham, dua pemain England bertaraf bintang, Mokhtar melepaskan rembatan kencang sebaik sahaja memasuki petak penalti.

Bekas pemain kebangsaan, Reduan Abdullah masih ingat. Tendangan itu menerjah ke bucu kanan gawang pada minit ke-34. Penjaga gol Joe Corrigan, pemenang Piala Eropah bersama Manchester City pada 1970, terduduk dibuatnya.

Jaringan Super Mokh menghapuskan kelebihan gol yang dihasilkan Alan, pemain yang digeleceknnya sebelum menjaringkan gol penyamaan. Alan sebenarnya pemain pertahanan paling mahal di England pada tahun berkenaan.

Namun, larian ‘lipas kudung’ Mokhtar membantunya melepasi Alan, yang tiga tahun kemudian menyumbat gol kemenangan Liverpool ketika menewaskan Real Madrid dalam kejohanan Piala Eropah.

“Perlawanan itu adalah salah satu aksi terbaik kami dan Mokhtar menjaringkan gol yang cukup memukau, dia terlalu bagus untuk disekat pemain England,” kata Reduan kepada SelangorKini ketika mengimbau perlawanan pada 1978 di Stadium Merdeka.

Sebenarnya, Reduan mengaui kehadiran skuad England mengerunkan pemain negara. Masing-masing terbayang mereka bakal dibelasah skuad bimbingan Bobby Robson. Sebaliknya, keputusan berkesudahan seri 1-1.

“Waktu main lawan England B, kami fikir akan dibelasah teruk. Tetapi sebaliknya berlaku, walhal yang datang pemain-pemain hebat,” kata pemain tengah negara antara 1973 hingga 1981.

Selain mereka, pasukan kebangsaan dibarisi antaranya Rashid Hassan, Jamal Nasir, Yahya Jusoh, Soh Chin Aun, Santokh Singh, Abdah Alif dan Shukor Salleh.

# GOL SUPER MOKH BUAT ENGLAND ‘TERDUDUK’

“Hanya ada satu Mokhtar, tiada dua atau tiga, tidak ada pengganti, Mokhtar tetap Mokhtar”

## Menewaskan Arsenal

Sebelum perlawanan itu pun, Mokhtar sudah mempamer kehebatannya. Dua jaringannya pada 1975 pernah menumbangkan Arsenal, sebuah kelab ternama divisyen

satu (ketika itu) Liga Inggeris.

Setahun kemudian, majalah World Star Soccer menamakan beliau sebagai penyerang terbaik Asia.

Mokhtar dianggap pemain bola sepak sempurna pada era itu, malah pemuda kelahiran Setapak dianggap lebih handal daripada pemain legenda Korea Selatan dan kelab Bayer Leverkusen, Cha Bum-kun.

“Orang Korea suka Mokhtar, dan setiap kali kami ke sana, mereka selalu membincangkan tentang dia,” kata Reduan, naib presiden Persatuan Bekas Pemain Bolasepak Kuala Lumpur, kini berusia 68 tahun.

Mokhtar menjaringkan 125 gol bersama Harimau Malaya dan 177 gol untuk Selangor. Beliau juga beraksi dalam Jemputan Selangor menentang juara 20 kali Liga

Argentina, Boca Juniors yang diketuai Diego Maradona pada 1982.

## Siang kerja bank

Bagi Reduan, pemain tempatan masa kini – walaupun memasuki era profesional – belum ada setaraf Mokhtar. Antara 70-an hingga 80-an, Mokhtar bukan sahaja digeruni pada peringkat Asia, bahkan sebahagian pemain Eropah juga kagum kepadanya.

“Bayangkanlah, zaman itu masih amat, bukan semi profesional mahupun profesional, siang hari ada yang kerja bank, tapi kita khususnya Mokhtar mampu menakutkan lawan dengan aksi atas padang,” katanya.

Abd Mohd Khalid Mohd Ali, pemain skuad Olimpik Moscow pada 1980, pula percaya formula kehebatan Mokhtar adalah rajin berlatih

dan berdisiplin tinggi setiap masa – itu sahaja.

Beliau juga mendapati tiada pemain selepas era itu setanding dengan Mokhtar. Dalam tempoh mutakhir, hanya bekas jaguh Selangor, Safee Sali memiliki sekelumit iras gaya legenda itu.

“Cumanya pada saya Safee agak lemah dari segi tenaga dan stamina,” katanya sambil berharap Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) berusaha mencari bakat muda bagi mengisi keunggulan yang ditinggalkan Mokhtar.

Sekalipun sudah 29 tahun permergian Mokhtar genap pada 11 Julai, kelibat beliau masih diingati ramai. Kehilangan terus dirasai, tiada galarang gantinya. Bak kata Reduan:

“Hanya ada satu Mokhtar, tiada dua atau tiga, tidak ada pengganti, Mokhtar tetap Mokhtar.”

## MEWAKILI NEGARA

- Penampilan sulung pada 1972
- Menang Piala Raja Thailand pada 1972
- Empat kali menang Pesta Bola Merdeka
- Dua pingat emas Sukan Sea pada 1977 dan 1979
- Pingat gangsa Sukan Asia di Tehran pada 1974
- Dipanggil untuk skuad Olimpik Moscow 1980 tetapi mengalami kecederaan lutut

## MEWAKILI SELANGOR

- Menang 10 kali Piala Malaysia
- Tiga kali julang Piala Sumbangsih
- Sekali menang Liga Super Malaysia

## ANUGERAH INDIVIDU

- Olahragawan kebangsaan 1976
- Anugerah Kelab Seabad AFC
- World Soccer: Penyerang terbaik Asia 1975





**S**elangor bertekad membawa pulang 45 pingat emas, 40 perak dan 40 gangsa dalam kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) di Johor pada Mac tahun depan. Lebih 800 atlet gigih berlatih sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan bagi memburu kejuaraan kesembilan kejohanan itu selepas kali terakhir mengcapinya pada 2016 di Sarawak. Sukan renang, gimnastik, olahraga dan boling padang antara acara yang dijangka menyumbang kilauan emas dalam kejohanan dwitahunan edisi ke-20.

Jurufoto SelangorKini **Fikri Yusof, Remy Arifin, Asri Sapfie dan Hafiz Othman** meninjau sebahagian latihan atlet

# MISI EMAS



1



3



7



8



2

1. Sekumpulan atlet olahraga bagi acara jarak jauh melakukan senaman memanaskan badan di Stadium Kota Raja, Klang pada 4 Julai
2. Penjaga gol Arishah Qarinah Mohammed Nijam tangkas mengawal gawang ketika menjalani latihan di Stadium Hoki Petaling Jaya pada 2 Julai
3. Atlet menembak Haritz Ikil melakukan tembakan tanpa peluru 'dry fire' di Lapang Sasar Menembak Kebangsaan Subang pada 16 Jun



5

4. Atlet angkat berat Muizzuddin Syahmi Ahmad Bahar yang menyertai kategori 55 kilogram berlatih di Pusat Latihan Angkat Berat Selangor, Hulu Langat pada 3 Julai
5. Atlet renang menjalani latihan 'kick set' bagi menguatkan kaki di Pusat Akuatik Darul Ehsan, Shah Alam pada 2 Julai
6. Sekumpulan atlet basikal berkayuh sejauh 150 km ulang-alik dari Klang ke Kuala Selangor pada 4 Julai
7. Ahli skuad gimnastik artistik Douglas Ng Hao Zhe berlatih dengan menggunakan 'pommel horse' di Kompleks Sukan Sukses Seksyen 6, Shah Alam pada 7 Julai



9



10



4



6

8. Atlet boling tenpin Afqah Kamilia Ali membuat latihan lontaran di Ampang Superbowl, Summit USJ, Subang Jaya pada 7 Julai. Kategori acara itu antaranya perseorangan, beregu campuran, berkumpulan dan master
9. Atlet karate melakukan teknik tendangan paras muka 'mawashi geri' di Akademi SKA Karate-do Seksyen 25, Shah Alam pada 5 Julai
10. Atlet seni bela diri wushu taolu menggunakan kayu 'wushu gunshu' dalam latihan di Pusat Latihan Wushu Selangor, Rawang pada 5 Julai



11



12

11. Atlet silat Nur Farahanim Mohd Adnan (depan, kiri) dan Atiqah Fakhira Shaiful Azli (tengah, belakang) memperagakan teknik seni interval dalam jurus regu di tapak latihan silat Sungai Penchala, Damansara pada 4 Julai
12. Atlet wushu sanda Tan Xian Jun (kanan) dan Tan Xian Wei (kiri) berlatih bersama bagi acara kategori 65 kilogram di Pusat Latihan Kelab Wushu KK Chia, Selayang pada 5 Julai





## Segera baiki jalan, elak risiko nahas

**SHAH ALAM** - Syarikat konsesi Lebuhraya Lingkar Luar-Hubungan Timur (EKVE) digesa membaiki segera simpang tiga Jalan Kuari Hulu Langat yang rosak sehingga mengancam keselamatan pengguna.

Ahli Dewan Negeri Dusun Tua berkata walaupun aduan sering disalurkan namun pihak terbabit dilihat tidak mempunyai kesungguhan menyelesaikan masalah dengan pantas.

"Isu kerosakan jalan melibatkan simpang tiga Jalan Kuari Hulu Langat bukan perkara baharu. Jalan Hulu Langat merupakan jalan persekutuan dan tanggungjawab penyelenggaraan di bawah Jabatan Kerja Raya dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan.

"Namun, bermula dari simpang Jalan Kuari sehingga lebih kurang 100 meter darinya diserahkan tanggungjawab selenggaraan kepada konsesi EKVE," kata Edry Faizal Eddy Yusof pada 4 Julai lalu.

Beliau menyeru Lembaga Lebuhraya Malaysia bertindak terhadap isu timbul menerusi pembinaan lebuhraya berkenaan.

## Tiga lokasi sering banjir di Meru

# Selesai isu parit elak bencana buruk

OLEH AMIN RIDZUAN ISHAK

**SHAH ALAM** - Tiga lokasi banjir di Meru berpunca daripada masalah perparitan ekor kegiatan pembangunan yang tidak mengikut spesifikasi dan tanpa kebenaran merancang.

Ahli Dewan Negeri Meru, Mohd Fakhurulrazi Mohd Mokhtar berkata air tidak dapat mengalir ke parit utama dari Jalan Teratai, Cempaka dan Kenanga menyebabkannya melimpah.

"Di kawasan ini banyak kilang dan rumah, ada segelintir daripadanya melakukan kerja-kerja tambahan untuk menyelesaikan masalah mereka tetapi ia memberi kesan sampingan pula kepada pihak lain.

"Kita syak kerja dilakukan mereka



ini tidak mendapat kebenaran merancang pun, bayangkan ada yang menambak sistem perparitan sehingga menyebabkan air tidak dapat mengalir.

"Ia jelas tidak mengikut spesifikasi. Timbul juga persoalan sama ada ia mendapat kebenaran merancang berdasarkan kerja-kerja seperti itu," katanya pada 7 Julai.

Mohd Fakhurulrazi sudah memanjangkan perkara itu kepada pihak berkuasa dan berharap ia dapat diselesaikan segera bagi mengelakkan kejadian lebih buruk pada masa depan.



Mohd Fakhurulrazi (dua kiri) meninjau masalah perparitan di Jalan Teratai, Meru pada 28 Jun.

## YB Kita

### Ahli Dewan Negeri

## N54 TANJUNG SEPAT

■ **Nama:**  
Borhan Aman Shah

■ **Umur:**  
58 tahun

■ **Negeri kelahiran**  
Selangor

■ **Aktiviti masa lapang:**  
Beriadah, mengumpul barang antik & membaca

■ **Falsafah hidup:**  
Hidup hanya sekali buat yang terbaik dalam kehidupan

■ **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:**  
Ahli perniagaan dan Penyelaras Pusat Khidmat DUN Dengkil

■ **Alamat pejabat ADN:**  
Kompleks Pejabat Penghulu Mukim Batu, Kampung Batu Laut, 42800, Tanjung Sepat

■ **Nombor telefon ADN:**  
03-31481029

■ **E-mel:**  
pkmtg.sepat54@gmail.com

■ **Facebook:**  
Pusat Khidmat Masyarakat DUN Tanjung Sepat



## Ubah tapak sampah haram jadi kebun sayur



Wei Kiat melawat kerja pembinaan tembok di bekas tapak pembuangan sampah haram di Sungai Terentang, Rawang pada 4 Julai

**SHAH ALAM** - Pejabat Ahli Dewan Negeri (ADN) Rawang menampung kos memindahkan kawasan persekitaran Lorong 10 Kampung Sungai Terentang, Rawang yang sebelum ini dijadikan tempat pembuangan sampah haram.

Ahli Dewan Negerinya Chua Wei Kiat berkata pihaknya akan membina tembok setinggi 1.5 meter selain menanam sayur-sayuran serta pokok bunga bagi mengubah land-

skap kawasan untuk keselesaan orang ramai.

"Tapak itu sebelum ini menjadi tempat pembuangan sampah oleh pihak tidak bertanggungjawab. Malah, beberapa hari yang lalu terdapat juga bangkai anjing dibuang dan baunya mengganggu penduduk," katanya pada 5 Julai.

"Kami juga menyeru orang ramai bersama-sama menjaga kebersihan kampung agar sentiasa bersih dan cantik."





**ADN BUKIT LANJAN**  
Elizabeth Wong

Menyampaikan barangan keperluan asas kepada penduduk di Desa Jaya, Kepong



**ADN KOTA ANGGERIK**  
Najwan Halimi

Menyerahkan komputer riba kepada pelajar dari keluarga kategori B40 di Seksyen 13, Shah Alam



**ADN BANDAR UTAMA**  
Jamaliah Jamaluddin

Bersama wakil Air Selangor memeriksa paip di Kampung Cempaka, Petaling Jaya



**ADN HULU KELANG**  
Saari Sungib

Menghulur baucar Jom Shopping kepada penerima skim SMUE di Taman Melawati, Hulu Kelang



**ADN BALAKONG**  
Wong Siew Ki

Mengagihkan kuntuman bunga bagi meraikan Hari Ibu Bapa di Pasar Awam Sungai Chua, Kajang



**ADN MORIB**  
Hasnul Baharuddin

Memberi sumbangan kepada pesakit barah yang menjalani pembedahan di Kanchong Darat, Kuala Langat





"Bang, sebenarnya saya sudah menemuicinta. Kerajaan sudah beri lampu hijau, awal Julai nanti kami kahwin."

Saya menelan kecewa. Saya faham hal jodoh bukan boleh ditahan-tahan. Saya juga begitu, dahulu. Tapi, mengapa setelah kamu bersetuju?

Kali pertama, saya terpancang kelibatmu di kuburan. Kita berpapasan berdekatan pusara A. Waktu itulah, saya mengesan aura dirimu. Ya Tuhan, kamukah penggantinya?

Lekas-lekas saya mencari kamu di media sosial. Saya temukan beberapa gambar kamu di akaun Instagram almarhum. Dari situ saya tahu namamu F. Seorang doktor pelatih di sebuah hospital besar.

Saya mengekori kamu. Sewaktu kamu bersendirian makan tengah hari, saya sampaikan hajat besar saya, "Anak muda, andalah adiwira harapan negara!"

Kamu ketawa. Menurut kamu, saya perlu dirujuk ke Hospital Bahagia. Segera! Barangkali saya berpenyakit grandiositi.

Ah, tugas kamu sebagai doktor sudah cukup mulia. Ya, kamu benar. Para petugas barisan hadapan adalah satria dan serikandi. Menurutmu, kamu tak perlukan mantel dan logolain di dadamu. Ah, gemulah A juga dulu begitu!

Tiba-tiba riak wajah kamu berubah. Pasta berkuah merah yang kamu makan diletak ke tepi. Teh tarik diteguk sehingga habis. Kamu berkobar-kobar ingin tahu manfaat yang pernah A peroleh.

Sebagai seorang lelaki super, kamu akan dikurniakan kekuatan sepuluh pemuda. Akalmu yang sedia cerdas akan bertambah geliga. Tapi, kamu tetap manusia. Kuasamu bakal lenyap apabila kamu tidak lagi belia. Kamu mengangguk, barangkali legat tanggungjawab ini bukan lah abadi.

"Tapi, katakan saya tidak mahu lagi menjadi superhero?"

"Mati. Bukankah pejuang adatnya terkorbannya?"

Kamu menelan air liur, "Itu sahaja?"

"Kalau kamu jatuh cinta dan berkahwin. Itu pun akan melenyapkan kuasamu."

Sekiranya hal-hal ini terjadi, kita perlu mencari adiwira baharu. Semenjak A pergi, negara kehilangan adiwira. Kata orang, mungkin A mencederakandirinyasendiri. Adayangberkata A dilanggar kenderaan penyelamat yang dinaikinya.

Katakan apa-apa sahaja, tetap sukar untuk saya percaya. Lebih-lebih lagi, hasil inkues menyatakan terdapat kemungkinan A dipukul dengan dahsyat. Adiwira berjiwa besar seperti A tidak mungkin mengambil jalandilaknat Tuhan. Saya pasti, malam itu A telah mengotakan ikrar seorang wira.

Tetapi, melepaskan kuasa kerana cinta ada harganya. Seperti kamu, A juga ingin merumahkan keluarga. Malangnya, kematiannya meranapkan impian seorang gadis. Merenggut harapan ibu dan bapa. Kami tidak sempat merekrut herobaharu dan virus Covid-19 pula menggila.

Kes-kes baharu naik mendadak. Wad-wad sementara khusus pesakit Covid-19 dibuka. Pusat saringan baharu diperbanyak. Mesin bantuan pernafasan ditambah. Doktor, jururawat, atendan dan petugas kesihatan bekerja tanpa henti.

Termasuklah kamu. Oleh sebab kamu ber-



## Calon Adiwira

OLEH HAKIM BAHAMAN

status pelatih, kamu terpilih sebagai petugas saringan. Jadual kamu empat hari bekerja, satu hari cuti, 12 jam tanpahenti. Mujur kamu sudah punya kuasa luar biasa. Ramadan lepas, kamu berpuasa seolah-olah tiada apa-apa.

Tiba-tiba, kamu muncul di televisyen – ditemuramah secara langsung. Di celah-celah kesibukan, kamu sempat berinovasi. Kontena pemeriksaan ciptaan kamu dan beberapa rakan jurutera dipuji. Saya tersenyum bangga. Kemampuan akalmu, sudah berganda!

Takdir memang tidak pernah silap. Kamu, memang pemilik kuasa yang amanah. Cuma, cepat benarkan kamu mahu melepaskannya. Kamu belum lagi berhadapan dengan penjahat. Koruptor kecil dan besar belum kamu lawan.

Kamu meminta maaf kerana merahsiakan cinta. Kamu sudah lama mengenali si dia. Kisahnya, si dia dahulu seorang ketua pelajar sekolah perempuan berasrama penuh. Kamu pula pemain ragbi sebuah kolej lelaki. Kalian berjumpa di kursus kepimpinan sekolah berprestasi tinggi seluruh negara. Di situ kamu saling suka kemudian jatuh cinta. Habis sekolah, kalian terjarak. Kamu memilih matrikulasi dan sekolah perubatan dalam negara. Diapula mendapat biasiswa syarikat minyak untuk ke luar negara. Sekarang, kalian mahu segera bernikah.

Saya tidak boleh memaksa – hanya boleh tersenyum. Menumpang bahagia. Saya cuma mahu kamu tahu satu perkara. Melepaskan kuasa kerana cinta ada harganya. Ada sumpahan perlu kamu galas. Sila bersedia.

"Tiada cara lainkah? Mungkin saya masih boleh memakai kuasaitu. Lagipun, saya sudah berterusterang dengansidia. Diasendirimahu saya meneruskan. Dia berjanji akan menjadi pendukung setia."

Mujurlah ketika itu kita sedang berbual di sebuah kafe. Mahu saya menumbuk kamu. Gila! Kamu sudah memecahkan rahsia. Bukankah seorang adiwira terlingdung identitinya?

Kamu jawab selamba, kamu ialah Tony Stark, si Iron Man dan si dia pula Cik Potts. Bukankah si Lois Lane pun tahu rahsia Clark Kent? Saya

mencebik.

Kamu akan bernikah disebelah malam. Pagi hari bahagia itu, saya datang membawa hadiah. Dibungkus elok, diikat dengan rebencantik-cantik. Saya kata, mari kita bersarapan buat kali terakhir. Sebagai mentor dan perantis.

Kamu kata kita akan terus berhubung. Saya menggeleng. Mulai subuh esok, saya bukan lagi mentor. Sumpahan keatas saya berakhir. Kamu membeli kacamata. Dahi kamu berkerut.

Saya juga seperti kamu, dulu. Saya melepaskan kuasaini untuk bernikah dengan wanita yang dicintai. Jangan tanya siapa mentor saya, saya tidak ingat. Atau ingatannya jugamungkin telah terpadam.

Inilah hargayangsayabayar. Membayar cinta dengan cinta. Cinta yang lebih dahsyat. Cinta kepada nusa. Kuasa saya hilang, tapi tanggungjawab saya bertambah.

"Daripada perantis kepada mentor?"

Ya. Perantis pertama saya seorang anggota Komando VAT 69. Masih ingat peristiwa berdarah Lahad Datu? Almarhum terkorban dalam peristiwa itu.

Manakala perantis kedua saya seorang gadis. Saya fikir seorang guru tidak akan mati sebegitu cepat. Tapi, saya tersilap. Dia guru berjuang, tekalmendidik kawasan perindustrian padat lagitercemar. Sayang, nyawanya direnggut gas beracun dan jerebu. Diameninggal kelelahan setelah menyelamatkan ratusan pelajar yang sesak nafas.

A, si anggotapenyelamat ialah perantis saya yang ketiga. Dia telah berjanji untuk membebaskan saya. Arwah sedia menjadisangmurabi. Katanya, dia telah menemukan calon pengganti. Cuma ya, peristiwa malam rusuhan itu mengubah segala-galanya.

Kamu terperangah. Lapan jam lagi, kamu bakal bernikah dan memikul tanggungjawab baharu. Kamu akan jadi suami, kemudian ayah. Semuaitubukan peranan main-main. Semuanya menuntut pengorbanan. Kedua-duanyapun wira handalan. Tiba-tiba kamu perlumjadi mentor. Kamu beritahu yang kamu tidak bersedia.

Sayapujuk kamu supaya bertenang. Barang-

kali, kuasa itu sendiri enggan melepaskan kita terlalu awal. Takut-takut pemuda berpotensi seperti kamu leka dengan urusan hidup sendiri-sendiri. Jadi, dipilihnyakamu menjadimentor. Meskin antitanpakuasa, amanah mendidikan memelihara kuasa ini telah jatuh di atas batu jemalamu.

"Tapi, saya masih muda. Masih perlu bimbingan. Ayuh berswafoto, nanti saya pautkan pada akaun Instagram kamu, 'bang. Supaya saya tak akan lupa!"

"Mustahil!"

Subuh esoknya, kamu cepat-cepat menelefon saya. Katamu, kamu masih berasa perkasa dangeliga. Saya tergelak. Bahkan pagi ini, kamu dapat menghentikan masa.

Eh, kamu masih punya kekuatan super? Kenapa kamu masih dapat mengingati saya? Anehnya, saya pun tidak hilang ingatan. Semuanya masih jelas. Bukankah kita sepatutnya saling melupakan?

"Selidik betul-betul siapa sebenarnya isterimu. Barangkali dia bukan perempuan biasa!"

### Di pasar kejujuran

Begitu mahal mahkota kejujuran di pasar borong retorika abad ke-21 diam mengatur strategi bangkit menagih mimpi dan janji.

Lebih baik menjadi lelaki jalanan bercakap sendiri mengutip sampah-sarap fikrah dikitar menjadi puisi.

Di pasar kejujuran musim ini begitu murah bibir bak delima merekah tapi lelaki jalanan itu memilih dan membeli diam untuk dibawa pulang ke rumah.

Baharuddin Sairi





OLEH NAZLI IBRAHIM

**T**iga bulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hampir melingkupkan perniagaan gunting rambut yang diusahakan Syed Faisal Syed Mustafa Kamalu sejak empat tahun lalu.

Tanpa sesen pun pendapatan, usahawan muda itu terpaksa menanggung kos lebih RM200,000 untuk melunaskan sewa premis dan gaji 50 pekerja.

Beban terasa berganda kerana beliau memiliki 16 cawangan, selain perniagaan lain yang turut terkesan akibat larangan PKP. Tambah perit, kebanyakan penyewa premis enggan memberi potongan harga sekalipun mereka menikmati moratorium.

Mujurlah anak muda berusia 30 tahun ada pelan kecemasan. Itupun beliau terpaksa menokiknya dengan menggunakan duit poket sendiri.

"Sebenarnya hampir tutup beberapa cawangan tetapi dapat diselamatkan dengan modal simpanan yang ada dan sedikit suntikan modal poket sendiri," katanya.

Sebanyak RM210,000 perlu dibayar untuk sewa premis niaga Bro's Barber dan gelanggang futsal, Bro's Futsal Centre, satu lagi cabang niaga yang diceburinya.

### Cabaran berniaga

Pengalaman berniaga sejak berusia 18 tahun, dari menjual teh boba, mi goreng dan rojak, kereta sewa dan khidmat cuci kenderaan mengajarnya untuk bersedia dengan risiko luar jangka, wabak Covid-19 misalnya.

"Dalam tempoh saya menjalankan perniagaan gunting rambut, inilah cabaran paling besar sekali tetapi Alhamdulillah apabila kerajaan beri buka perniagaan dengan SOP ketat bermula 10 Jun lalu, Insya-Allah dapat tutup kerugian perlahan-lahan," katanya.

Semua perniagaan itu diusahakannya bersama abang, Syed Mohamed Syed Mustafa Kamalu, 32 dan rakan karib sejak di bangku sekolah, Ashwin Vicknesh, 30 dan Lukesh Kumar, 30.

Syed Faisal memulakan perniagaan



Tanggung rugi RM200,000 sepanjang PKP

# Kedai gunting nyaris lingkup

tersebut dengan modal RM30,000. Ketika itu, beliau masih bekerja di sebuah syarikat perkapalan.

"Muncul idea ini kerana saya terpaksa pergi luar Klang untuk cari barber (tukang gunting). Jadi saya terfikir kenapa Klang tidak ada. Inilah permulaannya," katanya.

Selepas kedai pertama mendapat sambutan selepas 10 bulan beroperasi, Bro's Barber, sebuah kedai gunting rambut hipster, membuka cawangan kedua berhadapan pusat beli-belah Klang Parade.

Mendapati potensi di samping mahu memberi tumpuan penuh kepada perniagaan, beliau meninggalkan pekerjaan bergaji kira-kira RM8,000.

Perniagaannya kian berkembang, malah beliau membuka 16 cawangan semuanya. Bro's Barber juga memiliki 40 pekerja tetap dan 10 lagi separuh masa.

Dengan peluasan cawangan, Bro's Barber berdepan masalah memperoleh tenaga kerja mahir. Justeru, timbul idea untuk membuka akademi yang menyasarkan

lepasan sekolah.

### Buka akademi

Akademi Bro's Barber dibuka pada 2017 dengan menaik taraf salah satu cawangan di Teluk Pulai, Klang.

Untuk itu, beliau membuat pinjaman RM20,000 melalui pembiayaan Hijrah Selangor pada tahun berikutnya. Daripada hanya keperluan asas di akademi, kini ia dilengkapi lebih banyak kemudahan.

Akademi itu melatih lebih kurang 30 orang hingga mereka benar-benar mahir. Syed Faisal juga berharap penubuhan akademi itu mengikis stigma tukang gunting 'tidak boleh hidup' dan ia pekerjaan bertaraf rendah.

"Kita juga tandatangani memorandum bersama Hijrah Selangor sebagai syarikat induk untuk pelajar berminat boleh belajar dan bayarnya ditanggung Hijrah Selangor.

Malah, tukang gunting berpengalaman mampu memperoleh pendapatan antara RM4,000 hingga RM5,000 sebulan dan mereka juga boleh membuka kedai gunting sendiri.

Sedikit demi sedikit,  
perniagaan berkembang hingga  
bilangan cawangan mencecah  
16 buah semuanya. Bro's Barber  
juga menggaji 40 pekerja tetap  
dan 10 lagi separuh masa

— SYED FAISAL SYED MUSTAFA KAMALU —





## Road Gang selesai jalan rosak

**SHAH ALAM** - Petugas Unit Road Gang Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berfungsi menerima aduan dan menyelesaikan jalan berlubang skala kecil.

Ketua bahagian korporat dan perhubungan awamnya berkata pasukan yang ditubuhkan sejak 2013 dibekalkan 'hand compactor' dan batu tar sejuk (coldmix) untuk kerja tampalan sementara.

"Pasukan yang ditugaskan memantau aduan ini terdiri daripada pegawai di Jabatan Kejuruteraan kami. Mereka akan membuat kerja tampalan jalan berlubang berskala kecil menggunakan peralatan disediakan," kata Shahrin Ahmad.

Bagi kerosakan besar, Shahrin berkata MBSA melantik kontraktor secara tender atau sebut harga bagi menyelesaikan aduan.

"Kita sentiasa memberi tumpuan terhadap aduan berkaitan perkhidmatan perbandaran termasuk jalan berlubang yang perlu diperbaiki," katanya.

## Niaga tanpa lesen, lima kedai ditutup

**SHAH ALAM** - Lima kedai runcit tidak berlesen di sekitar Bandar Banting diarah tutup selain beberapa barangan disita oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) pada 30 Jun lalu.

Yang Dipertuanya Mohamad Zain A Hamid berkata pemilik premis yang turut mengupah pekerja warga asing dikenakan tindakan mengikut Undang-Undang Kecil 3, Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian (MDKL) 2007.

"MPKL memantau dan menjalankan operasi dari semasa ke semasa bagi membendung perniagaan tanpa lesen selain memastikan Kuala Langat bebas peniaga warga asing," katanya pada 1 Julai.

Beliau turut mengingatkan peniaga mendapatkan lesen dan memberi amaran membatalkannya jika disewakan kepada warga asing.

## Bekalan utiliti dipotong

**SHAH ALAM** - Bekalan air dan elektrik sebuah kilang haram memproses sisa aluminium dipotong oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) berikutan pemilik premis ingkar arahan henti operasi.

Yang Dipertuanya Mohamad Zain A Hamid berkata pemotongan bekalan utiliti dilaksanakan bersama Jabatan Alam Sekitar, polis, Pengurusan Air Selangor dan Tenaga Nasional Berhad.

"Kita mendapati kilang itu melakukan dua kesalahan iaitu mendirikan struktur bangunan besi tanpa kelulusan bertulis dan menjalankan urus niaga tanpa lesen," katanya pada 1 Julai.

"Semua pengusaha kilang diingatkan agar mendapatkan lesen perniagaan terlebih dahulu sebelum menjalankan perusahaan."



Kesan seleweng lesen perniagaan

# PBT kaji guna sistem pengecaman peniaga

OLEH SHEEDA FATHIL

**SHAH ALAM** - Tiga pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini dalam kajian melaksanakan sistem biometrik di pasar awam bagi mengesan penyalahgunaan lesen perniagaan.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam, Shahrin Ahmad berkata kaedah tersebut dapat membantu memperkemas perkhidmatan pelesenan.

"Kita masih berbincang untuk meng-

gunakan sistem tersebut. Kita harap sistem itu dapat bantu tingkat kecekapan kesan salah guna lesen perniagaan," katanya pada 8 Julai.

Timbalan pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik Majlis Perbandaran Subang Jaya pula memaklumkan pihaknya bercadang menggunakan sistem tersebut untuk memudahkan peniaga memohon lesen.

"Buat masa ini kita meletakkan syarat pemilik lesen sahaja dibenarkan perbaharui lesen. Kaedah ini juga menetapkan peniaga dan pembantu war-

ga asing tidak dibenarkan menjalankan perniagaan," kata Azfarizal Abdul Rashid.

Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Selayang, Ahmad Fauzi Ishak berkata pihaknya juga sedang mengkaji penggunaannya dalam memperkemas penguatkuasaan berkaitan urusan pelesenan.

Selangor menyasarkan penggunaan sistem biometrik di pasar awam seluruh negeri menjelang 2022, setakat ini hanya Majlis Bandaraya Petaling Jaya menggunakannya.

## Caj plastik syarat wajib mohon lesen

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bercadang menyenaraikan kutipan caj beg plastik sebagai syarat wajib memohon atau memperbaharui lesen perniagaan tahun hadapan.

Pengarah Jabatan Korporatnya Mohamad Zin Masoad berkata cadangan itu dilampirkan dalam bil lesen yang membolehkan tindakan diambil sekiranya melanggar syarat.

"Tahun ini kita beri penerangan dan promosi dahulu kepada semua premis supaya program itu dijalankan menyeluruh di MPS," katanya pada 2 Julai.

Beliau berkata sebanyak 127 premis perniagaan memohon menyertai program berkenaan setakat ini.

"Kita berharap pelaksanaannya membantu Kerajaan Negeri mewujudkan persekitaran bersih, sihat dan mesra alam

serta merangka program kelestarian secara bersepadu dan holistik," kata Mohamad Zin.

Selangor mengenakan caj 20 sen bagi setiap pembelian beg plastik di pasar raya utama sejak 2016. Kutipan diuruskan pihak berkuasa tempatan (PBT) disalurkan ke Akaun Tabung Amanah Selangor dan Akaun Tabung Amanah PBT masing-masing bagi program berkaitan alam sekitar.

## Kaunter perkhidmatan, EZ-Pay dibuka

**SHAH ALAM** - Lapan kaunter perkhidmatan dan EZ-Pay Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mula beroperasi sepanjang Julai hingga Ogos.

Sekretariat media unit komunikasi korporatnya memaklumkan kaunter

perkhidmatan dibuka Isnin hingga Jumaat mulai 7.30 pagi hingga 5.30 petang termasuk waktu rehat kecuali Jumaat yang akan ditutup sementara pada 12.15 tengah hari hingga 2.45 petang.

"Bagi kaunter bergerak EZ-Pay dibu-

ka setiap Sabtu dan Ahad bermula 4 Julai hingga 30 Ogos mulai 10 pagi hingga 3 petang untuk memudahkan orang awam membuat pembayaran cukai atau kompaun pada hujung minggu," katanya.



Muat naik foto sebagai bukti

# MPK sedia portal aduan

OLEH NADIAH ZAMLUS

**KLANG** - Orang awam boleh membuat aduan berhubung peniaga warga asing di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang menerusi laman web awas.mpklang.gov.my.

Yang Dipertuanya Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin berkata pengadu juga boleh memuat naik gambar lokasi sebagai bahan bukti.

"Bagi menjaga keselamatan pengadu, maklumat peribadi seperti nombor telefon dirahsiakan.

"MPK berazam membanteras peniaga warga asing dan berharap usaha ini dapat memberi keselesaan kepada penduduk tempatan," katanya.

Dr Ahmad berkata 475 premis warga asing disita kerana menjalankan perniagaan secara haram bermula Januari hingga Jun.

**Bagi menjaga keselamatan pengadu, maklumat peribadi seperti nombor telefon dirahsiakan**

**AHMAD FADZLI AHMAD TAJUDDIN**  
Yang Dipertua MPK

## Bayar cukai taksiran, menang motosikal



**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menganjurkan Kempen Bayar dan Menang Cukai Taksiran dengan tawaran hadiah keseluruhan RM48,300 termasuk tiga

motosikal Yamaha Y15ZR 150cc.

Ketua bahagian korporat dan perhubungan awamnya memaklumkan kempen bermula 1 Julai hingga 31 Ogos turut menawarkan telefon bimbit Vivo V17 Pro untuk lima pemenang dan peralatan elektrik (50 pemenang).

"Kempen ini bertujuan menggalakkan pemilik harta jelaskan cukai taksiran sekali gus merebut hadiah menarik. Syaratnya akaun perlu berbaki kosong sehingga 31 Ogos dan membayar cukai taksiran setahun untuk tahun ini tanpa tunggakan," kata Shahrin Ahmad.

Beliau mengingatkan pemegang harta supaya menunaikan tanggungjawab itu sekali gus membantu MBSA menguruskan kutipan sampah domestik, pembersihan kawasan dan selenggara infrastruktur serta pembinaan taman awam.

Pembayaran boleh dibuat sama ada di kaunter utama Wisma MBSA dan pejabat cawangan MBSA di Kota Kemuning, Sungai Buloh dan Setia Alam atau dalam talian di [www.mbsa.gov.my](http://www.mbsa.gov.my).

## Kilang ubah suai struktur disita



Penguat kuasa MPKL memasang pita sita di sebuah kilang di Bukit Changgang dalam operasi pada 2 Julai

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) menyita sebuah kilang di kawasan perindustrian Bukit Changgang, Kuala Langat kerana menambah struktur bangunan tanpa kebenaran pada 2 Julai lalu.

Yang Dipertuanya Mohamad Zain A Hamid berkata kilang memproses barangan dari China yang memiliki lebih 10 pekerja juga beroperasi tanpa lesen.

"Tindakan mengikut Akta 133, Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 dan pemilik diberi arahan lisan supaya tidak cuba memotong tali sita atau berdepan tindakan mahkamah.

"Semua pemilik kilang di daerah ini diingatkan sentiasa mematuhi peraturan dan tidak memikirkan keuntungan semata-mata," katanya.

Dalam operasi lain, MPKL menutup tiga premis di Kampung Bukit Changgang dan Labohan Dagang yang tidak memiliki lesen perniagaan serta dikendalikan warga asing.

## Senarai hitam peniaga serah premis kepada warga asing

**KLANG** - Peniaga tempatan yang menyerahkan premis perniagaan kepada warga asing berdepan tindakan disenarai hitam, kata yang dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin berkata mereka turut dihalang menjalankan perniagaan dalam tempoh dua hingga tiga tahun.

"Kita sedang meneliti tindakan berkenaan memandangkan hukuman membatalkan lesen dilakukan sebelum ini membolehkan peniaga tempatan melakukan kesalahan berulang kali kerana pemohonan lesen perniagaan boleh dibuat kembali selepas pembatalannya," katanya pada 30 Jun.


"Saya amat berharap supaya mereka bersemangat patriotik dan tidak sewenang-wenangnya menyerahkan kemudahan diberikan kepada warga asing, fikirkan demi masa depan anak bangsa."

Dr Ahmad berkata MPK turut meneliti

**Saya amat berharap supaya mereka bersemangat patriotik dan tidak sewenang-wenangnya menyerahkan kemudahan diberikan kepada warga asing, fikirkan demi masa depan anak bangsa**

**AHMAD FADZLI AHMAD TAJUDDIN**  
Yang Dipertua MPK

pemberian lesen kepada rakyat tempatan yang berkahwin warga asing susulan ramai mengambil kesempatan itu.



**MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**  
Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63200 CYBERJAYA, Selangor Darul Ehsan

**KENYATAAN TENDER**

- Tender adalah dipelawa daripada kontraktor – kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB, SPKK dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja – kerja berikut :

| BIL. | NO. TENDER                  | TAJUK KERJA  | BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG  | HARGA DOKUMEN |
|------|-----------------------------|--|--|---------------|
| 1.   | MPSepang (KEJ) 400-10/12/07 | CADANGAN KERJA MEMBINA LONGKANG ALTERNATIF YANG MENGHUBUNG TAMAN PUTRA PRIMA DAN TAMAN MAS KE SUNGAI BAGI TUJUAN PENCEGAHAN BANJIR DI TAMAN PUTRA PRIMA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG TAHUN 2020. | Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) DAN Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) G4 CE21 (Kejuruteraan Awam) DAN Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) | RM 500.00     |

- Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my>, dan boleh dibeli di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender boleh di ambil pada waktu pejabat di **Kaunter Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **09 hb Julai 2020** hingga **29 hb Julai 2020** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor atau wakil yang mengemukakan Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (**UPEN**) yang asal. Bayaran hendaklah dibuat secara **Tunai, Wang Pos Atau Bank Draf** yang berpaling atas nama **Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang**.
- Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **29 hb Julai 2020**.
- Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa – apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.





## Kampus dibuka bulan ini

**SHAH ALAM** - Mahasiswa kembali ke kampus secara berperingkat mulai bulan ini, dengan kemasukan penuh pada Oktober 2020.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Noraini Ahmad berkata keputusan itu dicapai melalui mesyuarat Kabinet berikutan penularan wabak semakin terkawal.

"Bagi memastikan keputusan dapat dilaksanakan dengan sempurna, institusi pengajian tinggi dan pelajar dipohon membuat persediaan yang diperlukan dari sekarang," katanya dalam kenyataan pada 8 Julai lalu.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dari 10 Jun hingga 31 Ogos ini dengan pelbagai sektor mula dibuka.

## Sekolah agama boleh operasi

**KUALA LUMPUR** - Semua sekolah agama dan madrasah tahfiz yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan kerajaan negeri dibenarkan untuk dibuka semula mulai 15 Julai ini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata bagaimanapun bagi sekolah agama dan madrasah tahfiz yang tidak berdaftar, mereka perlu merujuk kepada kerajaan negeri sebelum memulakan operasi.

"Semuanya (juga perlu) tertakluk kepada tatacara operasi piawai yang telah dikemukakan KPM supaya kita dapat menamatkan rangkaian Covid-19," katanya pada 2 Julai. - BERNAMA

## Tiada kokurikulum, bawa makanan

**SHAH ALAM** - Semua aktiviti kokurikulum dan perhimpunan tidak dibenarkan apabila sesi persekolahan dibuka secara berperingkat mulai 15 Julai.

Menteri Kanan (Pendidikan) Dr Mohd Radzi Md Jidin berkata arahan itu kekal seperti diputuskan Majlis Keselamatan Negara dan sebarang perubahan dimaklumkan kemudian.

"Buat masa ini pelajar datang ke sekolah untuk pengajaran dan pembelajaran sahaja," katanya pada 1 Julai.

Beliau menjelaskan makanan yang dijual di kantin juga perlu dibungkus terlebih dahulu dan waktu rehat juga berperingkat.

Katanya, pengusaha kantin boleh menggunakan kaedah pratempahan dan dihantar terus ke kelas selain menggalakkan pelajar membawa makanan sendiri.

## Kafe muzium Unisel imbau sejarah lombong bijih

**SHAH ALAM** - Kafe Muzium@Food Valet di Universiti Selangor (Unisel) menjadi tarikan terbaharu kepada orang ramai mengimbau sejarah perlombongan bijih timah di Bestari Jaya.

Pengarah komunikasi korporat Unisel berkata muzium berkonsepkan kafe menempatkan satu ruang pameran artifak dan seni visual berkaitan perusahaan yang dijalankan penduduk setempat.

"Menariknya, kafe itu turut menyediakan pelbagai jenis makanan dan minuman sama ada masakan barat atau tempatan. Selain pelajar dan kakitangan Unisel, ia juga boleh dikunjungi orang luar bagi

melihat sendiri keunikannya," kata Haril Abu Hassan pada 1 Julai.

Beliau berkata kafe yang mula dibuka pada 4 Disember tahun lalu cetusan idea Naib Canselor Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman bertujuan memulihara artifak dan peralatan perlombongan untuk rujukan generasi akan datang.

"Objektif penubuhan bukan sahaja kekalkan nostalgia tapak perlombongan biji timah terakhir di Malaysia, namun menjadi aspek penting dalam membina paduan komuniti membabitkan individu, kumpulan, rakan perniagaan dengan warga Unisel," katanya.



Potongan yuran RM350

## Dua hari daftar lebih 1,000 pelajar baharu

OLEH SHEEDA FATHIL

**SHAH ALAM** - Lebih 1,000 pelajar baharu mendaftar di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) dalam tempoh dua hari bermula 3 Julai lalu, kata rektornya.

Prof Dato' Dr Ab Halim Tamuri berkata pendaftaran menerusi dalam talian juga mendapat sambutan menggalakkan.

"Kita mengalu-alukan lebih ramai pelajar baharu mendaftar dan menjadi sebahagian daripada warga Kuis. Menariknya, potongan yuran pendaftaran RM350 masih dibuka," katanya pada 5 Julai.

Mengulas sesi pendaftaran dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan, Dr Ab Halim berkata semua berjalan lancar dan mengikut tatacara operasi piawai (SOP).

Mereka yang berminat boleh mengemukakan permohonan menerusi pautan <http://eadmission.kuis.edu.my/> atau Google Form <https://forms.gle/Brzu8c-sixHUsMs3v5> untuk pra-pendaftaran sehingga 24 Julai ini.

Untuk pertanyaan, pemohon boleh menghubungi pegawai pemasaran Kuis melalui WhatsApp di talian 019-226 0746 atau 019-3896937.

## Guna poster selebriti kekal jarak sosial



**SHAH ALAM** - Universiti Sunway menggunakan pendekatan kreatif meletakkan poster selebriti terkenal bagi menggalakkan petugas dan pelajar mengamalkan penjarakan sosial apabila kembali ke kampus.

Antara selebriti tempatan menjadi pilihan ialah Datuk Seri Siti Nurhaliza dan Yuna; chef terkenal, Datuk Redzuawan Ismail serta bintang sukan, Datuk Lee Chong Wei dan Datuk Nicol David.

Manakala bintang antarabangsa pula Rowan Atkinson atau Mr Bean, Will Smith, Ed Sheeran dan Taylor Swift selain jaguh bola sepak Barcelona dan Argentina, Lionel Messi.

Pengurusan universiti meletakkan poster-poster berkenaan di bilik kuliah, perpustakaan, ruangan menunggu dan juga tempat makan bagi mengekang penularan Covid-19.



Tiada jemputan solat Jumaat

# Boleh solat Zuhur di surau

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

**SHAH ALAM** - Jemaah disaran menunaikan solat Zuhur di rumah atau surau sekiranya tidak mendapat jemputan solat Jumaat, kata mufti Selangor.

Dato' Setia Mohd Tamyas Abdul Wahid berkata solat Zuhur mestilah didirikan selepas 30 minit masuk waktu supaya tidak mendahului solat Jumaat.

"Dalam tempoh sebelum menunaikan solat bolehlah diisi dengan bacaan al-Quran atau zikir," katanya.

Bermula 3 Julai, semua masjid dan surau di negeri ini dibuka untuk solat Jumaat selepas mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafud-

din Idris Shah Alhaj.

Baginda juga berkenan semua masjid dan surau di Selangor dibuka semula untuk solat fardu lima waktu secara berjemaah dengan mematuhi tatacara operasi piawai (SOP).

Dalam pada itu Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menggesa lebih ramai umat Islam mendaftar bagi mendapatkan giliran menunaikan solat Jumaat.

Pengarahnya, Mohd Shahzihan Ahmad berkata Jais menetapkan Google Form sebagai medium pendaftaran tetapi menerima kaedah lain mengikut kesesuaian masjid sebagai jaminan setiap kariah dapat menunaikan solat berkenaan.

## RM200,000 naik taraf Masjid Jamek Al-Amaniah Gombak

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri menyumbangkan RM200,000 kepada Masjid Jamek Al-Amaniah, Gombak bagi menaik taraf infrastruktur dan bumbung bangunan.

Dato' Menteri Besar berkata masjid yang berperanan sebagai pusat pengukuhan akidah dan tumpuan masyarakat perlu berada dalam keadaan selesa.

"Semoga bantuan ini dimanfaatkan pihak masjid dan ahli kariah yang terlibat," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 3 Julai.

Sementara itu, imam masjid berkenaan Abu Dzar Mohd Ghazali menghargai sumbangan untuk membaiki beberapa bahagian utama yang rosak.

"Terima kasih kepada Dato' Menteri Besar atas bantuan kali kedua ini. Kami bersyukur dan akan menggunakan bantuan ini sebaiknya," katanya.



Orang awam keluar dari Masjid Jamek Al-Amaniah, Batu Caves selepas menunaikan solat Jumaat pada 26 Jun

## Jais sita lebih 1,000 kotak muruku

**SHAH ALAM** - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menyita 1,098 kotak muruku menggunakan logo halal tidak diiktiraf di sebuah premis di Kajang pada 1 Julai.

Pengarahnya Mohd Shahzihan Ahmad berkata rampasan bernilai RM14,819 dijual meluas di pasar raya, kedai serbaneka dan kedai runcit sekitar Hulu Langat serta e-dagang Shopee.

"Syarikat ini menggunakan label nama wanita Islam sebagai strategi pemasaran untuk mengelirukan masyarakat kononnya keluaran muslim dan boleh dimakan tanpa waswas.

"Semakan melalui sistem MYe-Halal Malaysia juga mendapati premis terbabit bukan pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia," katanya pada 2 Julai.

Tindakan mengikut Perintah 4(1) Perintah Perihal Daga-

ngan (Perakuan dan Penandaan Halal) Akta Perihal Dagangan 2011 dan jika sabit kesalahan pemilik premis boleh didenda maksimum RM200,000.

Operasi dijalankan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Cawangan Kajang dan Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat.

Mohd Shahzihan berkata premis yang memiliki majoriti pekerja asing juga kotor terutama di kawasan pemprosesan makanan.

Justeru, Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat mengambil tindakan penguatkuasaan mengikut Peraturan Kebersihan Makanan 2009 11(1)b selain diarah tutup mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983.

## Program imarah masjid, diizin

**SHAH ALAM** - Semua program pengimarahannya dibuka semula di seluruh masjid, surau dan musolla di negeri ini bermula 3 Julai tertakluk kepada tatacara operasi piawai (SOP).

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) berkata kebenaran meliputi kuliah Subuh, duha dan Maghrib serta tazkirah sebelum solat Jumaat.

"Pegawai masjid dan surau perlu menyediakan takwim atau jadual kuliah yang seimbang berdasarkan ilmu teras dianjurkan antaranya akidah, syariah dan akhlak.

"Pengisian kuliah Maghrib, Subuh dan tazkirah Jumaat secara berkitab harus diutamakan selain mengurangkan kuliah bersifat umum," kata Mohd Shahzihan Ahmad pada 2 Julai.

Beliau berkata petugas rumah ibadat dilarang menjemput mana-mana penceramah yang tidak mempunyai tauliah atau disenarai hitam.

"Penceramah atau pentazkirah juga diingatkan tidak menyentuh isu sensitif yang boleh memecah belah dan menggugat perpaduan masyarakat," katanya.



| WAKTU SOLAT SELANGOR   |       |       |        |       |      |         |       |
|--|-------|-------|--------|-------|------|---------|-------|
| 9 - 15 JULAI 2020  |       |       |        |       |      |         |       |
| 17 - 23 ZULKAEDAH 1441   |       |       |        |       |      |         |       |
| Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam |       |       |        |       |      |         |       |
|  | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
| 09 Khamis  | 5:47  | 5:57  | 7:09   | 1:21  | 4:46 | 7:30    | 8:45  |
| 10 Jumaat  | 5:47  | 5:57  | 7:09   | 1:21  | 4:46 | 7:30    | 8:45  |
| 11 Sabtu   | 5:47  | 5:57  | 7:09   | 1:22  | 4:46 | 7:30    | 8:45  |
| 12 Ahad  | 5:47  | 5:57  | 7:09   | 1:22  | 4:46 | 7:30    | 8:45  |
| 13 Isnin   | 5:47  | 5:57  | 7:09   | 1:22  | 4:46 | 7:30    | 8:45  |
| 14 Selasa  | 5:48  | 5:58  | 7:09   | 1:22  | 4:46 | 7:30    | 8:45  |
| 15 Rabu  | 5:48  | 5:58  | 7:10   | 1:22  | 4:46 | 7:30    | 8:45  |
| Sabak Bernam dan Kuala Selangor  |       |       |        |       |      |         |       |
|  | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
| 09 Khamis  | 5:48  | 5:58  | 7:10   | 1:24  | 4:49 | 7:33    | 8:48  |
| 10 Jumaat  | 5:48  | 5:58  | 7:10   | 1:24  | 4:49 | 7:33    | 8:48  |
| 11 Sabtu   | 5:48  | 5:58  | 7:10   | 1:24  | 4:49 | 7:33    | 8:48  |
| 12 Ahad  | 5:49  | 5:59  | 7:10   | 1:24  | 4:49 | 7:33    | 8:48  |
| 13 Isnin   | 5:49  | 5:59  | 7:11   | 1:25  | 4:49 | 7:33    | 8:48  |
| 14 Selasa  | 5:49  | 5:59  | 7:11   | 1:25  | 4:49 | 7:33    | 8:48  |
| 15 Rabu  | 5:49  | 5:59  | 7:11   | 1:25  | 4:49 | 7:33    | 8:48  |
| Klang dan Kuala Langat   |       |       |        |       |      |         |       |
|  | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
| 09 Khamis  | 5:47  | 5:57  | 7:10   | 1:22  | 4:47 | 7:30    | 8:45  |
| 10 Jumaat  | 5:48  | 5:58  | 7:10   | 1:22  | 4:47 | 7:30    | 8:45  |
| 11 Sabtu   | 5:48  | 5:58  | 7:10   | 1:22  | 4:47 | 7:30    | 8:45  |
| 12 Ahad  | 5:48  | 5:58  | 7:10   | 1:22  | 4:47 | 7:30    | 8:45  |
| 13 Isnin   | 5:48  | 5:58  | 7:11   | 1:22  | 4:47 | 7:30    | 8:45  |
| 14 Selasa  | 5:48  | 5:58  | 7:11   | 1:22  | 4:47 | 7:30    | 8:45  |
| 15 Rabu  | 5:49  | 5:59  | 7:11   | 1:23  | 4:47 | 7:30    | 8:45  |





## IWB perluas latihan bantu wanita

**SHAH ALAM** - Latihan

Siri Usahanita Selangor bakal diperluas bagi membantu golongan wanita yang hilang pekerjaan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



Ketua pegawai eksekutif Institut Wanita Berdaya (IWB) berkata latihan dalam talian meliputi panduan menulis permohonan kerja, membina keyakinan diri, kursus motivasi dan kelas menjana pendapatan.

"Kita juga sedang bekerjasama dengan EXCO pembangunan usahawan (Rodziah Ismail) untuk menganjurkan program fizikal iaitu kursus secara bersemuka berkaitan keusahawanan," kata Siti Kamariah Ahmad Subki pada 6 Julai.

Pada April lalu, IWB menganjurkan tiga latihan dalam Siri Usahanita iaitu Kursus Keusahawanan Dalam Talian, Kursus Asas Youtube dan Cara Urus Duit dengan lebih 1,000 penyertaan.

Institusi itu menyasarkan wanita yang berkecimpung dalam bidang perniagaan industri kecil dan sederhana atau mereka yang mahu tambah pendapatan menyertai siri latihan tersebut.

## Penyanyi daif diusir dari rumah sewa

# LZS bantu To'ki

OLEH SHEEDA FATHIL

**SHAH ALAM** - Lembaga Zakat Selangor (LZS) membantu penyanyi era 1990-an, To'ki yang hidup serba daif bersama isterinya di sebuah pondok dalam hutan di Batu 12, Gombak.

Agensi tersebut pada 2 Julai memaklumkan bantuan bagi meringankan beban penyanyi yang popular dengan lagu 'Biasan' selepas diusir dari rumah sewa di Kuala Lumpur sejak setahun lalu.

"Kami bercadang membantu pasangan ini supaya didaftarkan sebagai asnaf fakir miskin sementara LZS selain diberi bantuan sewa rumah dan kewangan setiap bulan demi meneruskan kehidupan.

"Semoga dengan sumbangan ini dapat menghilangkan sedikit keresahan yang mereka hadapi," kata agensi itu.

Pada 10 Jun lalu, To'ki atau Mohd Zaki Mansor, 53, bersama isteri, Sharifah Fairuz Syed Yusof, 48 terlibat kemalangan jalan raya dalam perjalanan dari Gombak ke Pandan Indah.

Kejadian itu menyebabkan pergerakan isterinya terbatas selepas mengalami pa-



tah tulang pinggul dan masih menjalani rawatan susulan di hospital.

To'ki turut dikenali menerusi lagu 'Naluri Cinta' dan 'Seni Berzaman' yang merangkul

juara kategori Irama Malaysia Anugerah Juara Lagu pada 1993, mengakui pondok itu memberi ilham kepadanya terus berkarya.



### KENYATAAN TENDER

#### BAGI KERJA - KERJA PEMBERSIHAN AWAM DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

KDEB Waste Management Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Selangor secara holistik.

Justeru, KDEB Waste Management Sdn. Bhd. mempelawa kontraktor - kontraktor yang masih sah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM Kod Bidang - 221002 dan 221003) dan Sistem Tender Online Selangor 2.0 untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja - kerja berikut:-

| Bil. | Nombor & Nama Tender Kerja - Kerja Pembersihan Awam di Kawasan Majlis Perbandaran Kajang   | Tarikh Mula Kerja | Harga Dokumen Bagi Setiap Set | Tempoh Jualan Dokumen                     | Bilik Tender | Tarikh Tutup                                   |
|------|--|-------------------|-------------------------------|---|--------------|--|
| 1    | KDEBWM/MPKJ/01/08/2020 : ZON PKJ 15<br>Perkhidmatan Pembersihan Awam di Cheras Vista, Vista Mahkota, Taman Seri Budiman, Eastpark 72, Mahkota Villa, Sebahagian dari Bandar Mahkota Cheras Jalan Dayang, Jalan Inang, Jalan Temenggung, Jalan Shah Bandar, Jalan Bentara dan Kawasan Kedai-Kedai/IKS serta Sekitar | 1 Ogos 2020       | RM200.00                      | 13 hingga 14 Julai 2020 (9:00am - 5:00pm) | A            | Sebelum Jam 5:00 Petang 21 Julai 2020 (Selasa) |
| 2    | KDEBWM/MPKJ/01/08/2020 : ZON PKJ 59<br>Perkhidmatan Pembersihan Awam di Seluruh Bandar Bukit Mahkota, Bandar Puteri dan Kawasan Kedai-Kedai/IKS serta Sekitar  |                   |                               |   |              |  |

Petender perlu melayari laman sesawang "www.kdebwm.com" untuk mendapatkan akses masuk ke dalam sistem tender atas talian dan seterusnya membuat pilihan borang tender mengikut nombor dan nama tender seperti di atas. Slip pilihan tender perlu dicetak dan dibawa semasa membuat pembayaran. Pembayaran bagi setiap set borang tender yang dibeli boleh menggunakan wang tunai yang disertakan dengan Slip Pilihan Tender, Salinan Sijil Pendaftaran KKM, Salinan SSM, Salinan Resit Pendaftaran Kontraktor Selangor yang masih sah dan akses bagi muat turun borang tender akan diberikan mengikut tempoh masa seperti yang telah ditetapkan di atas di alamat berikut :

IBU PEJABAT KDEB WASTE MANAGEMENT SDN. BHD.  
ARAS 10, MENARA SERBA DINAMIK, LOT PRESINT 3.4, PERSIARAN PERBANDARAN, SEKSYEN 14,  
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Borang tender yang telah siap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan ditulis dipenjurua atas sebelah kiri Nombor Tender dan Nama Zon (seperti tertera pada borang tender) dan dimasukkan ke dalam BILIK TENDER "A" di alamat berikut;

IBU PEJABAT KDEB WASTE MANAGEMENT SDN. BHD.  
ARAS 10, MENARA SERBA DINAMIK, LOT PRESINT 3.4, PERSIARAN PERBANDARAN, SEKSYEN 14,  
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN  
TEL : 03-5511 4344 / 013-914 1492 (U.P : EN AISAR BIN SUKRAN)

Nota: Sila pastikan semua maklumat syarikat dan dokumen sokongan yang dimuat naik telah dilengkapkan di dalam sistem tender atas talian "www.kdebwm.com". Borang tender yang telah lengkap perlu dihantar sebelum atau pada tarikh tutup dan masa yang telah ditetapkan seperti di atas bagi mengelakkan tender anda ditolak. Petender juga perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) semasa proses pembelian dan penyerahan dokumen tender.



### KENYATAAN TENDER

#### BAGI KERJA - KERJA PEMBERSIHAN AWAM DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

KDEB Waste Management Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Selangor secara holistik.

Justeru, KDEB Waste Management Sdn. Bhd. mempelawa kontraktor - kontraktor yang masih sah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM Kod Bidang - 221002 dan 221003) dan Sistem Tender Online Selangor 2.0 untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja - kerja berikut:-

| Bil. | Nombor & Nama Tender Kerja - Kerja Pembersihan Awam di Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya  | Tarikh Mula Kerja | Harga Dokumen Bagi Setiap Set | Tempoh Jualan Dokumen                     | Bilik Tender | Tarikh Tutup                                   |
|------|--|-------------------|-------------------------------|---|--------------|--|
| 1    | KDEBWM/MPSJ/PSJ-01/08/2020 : ZON PSJ 15<br>Perkhidmatan Pembersihan Awam Di Seluruh Kawasan Putra Mahkota, Putra Bahagia Dan Sekitar Seperti Di Dalam Peta | 1 Ogos 2020       | RM200.00                      | 13 hingga 14 Julai 2020 (9:00am - 5:00pm) | A            | Sebelum Jam 5:00 Petang 21 Julai 2020 (Selasa) |



Selangor-UiTM jalin kerjasama

# Tingkat prestasi atlet, jurulatih

OLEH NORRASYIDAH ARSHAD

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi menyokong usaha pembangunan dan penyelidikan sukan negeri membabitkan peruntukan RM100,000.

EXCO sukan berkata kerjasama julung kali melalui Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) dengan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FST) itu menjadi landasan atlet, jurulatih dan pegawai membina prestasi tinggi, menambah pengetahuan serta kemahiran.

"UiTM mempunyai kemampuan menyediakan kemudahan dan pengetahuan untuk dikongsi bersama MSNS. Keupayaan UiTM melahirkan atlet berkelayaran dunia sudah terbukti," kata Mohd Khairuddin Othman pada 7 Julai.

Katanya, enam bidang difokuskan dalam perjanjian lima tahun itu termasuk perkongsian kepakaran, mem-



Mohd Khairuddin menyaksikan majlis menandatangani MoU pembangunan atlet Selangor antara MSNS dan UiTM pada 7 Julai

bantu penyediaan atlet dan membangunkan penyelidikan sains sukan.

Beliau menambah, kerjasama juga termasuk penyediaan tempat latihan praktikal staf dan jurulatih serta mengendalikan kursus atau seminar.

"MoU ini turut menyediakan trek khas atlet melanjutkan pelajaran di UiTM melalui Program Pendidikan dan Kerjaya Atlet Selangor bagi mereka yang memenuhi syarat," katanya.

## Piala Asia: Lima negara bida hak

**KUALA LUMPUR** - Lima negara – India, Iran, Qatar, Arab Saudi dan Uzbekistan – telah menyatakan minat mereka untuk menganjurkan kejohanan bola sepak Piala Asia 2027 selepas tarikh akhir bidaan tamat pada 30 Jun.

Presiden Persekutuan Bola Sepak Asia (AFC) Shaikh Salman Ebrahim Al Khalifa menyambut baik minat yang ditunjukkan lima negara berkenaan untuk menganjurkan kejohanan bola sepak utama Asia itu.

"Piala Asia AFC adalah kemuncak bagi edisi terbaik Asia dan telah memecah rekod dan merupakan edisi terbesar di Emirat Arab Bersatu pada 2019 yang telah meletakkan asas bagi bola sepak Asia untuk mengukuhkan legasi ini.

"Kami tidak meragui bahawa China tidak hanya sesuai tetapi juga akan memenuhi semua harapan kami pada 2023," katanya di laman web AFC [www.the-afc.com](http://www.the-afc.com). – BERNAMA

## Hafizh Syahrin harap tiada sekatan di Jerez

**KUALA LUMPUR** - Pelumba Moto2 negara Hafizh Syahrin Abdullah berharap sekatan kemasukan pelancong dikenakan Kesatuan Eropah tidak menjadi penghalang buatnya menyertai Kejohanan Grand Prix Motosikal Dunia yang bersambung di Litar Jerez, Sepanyol pada 19 Julai.

Hafizh Syahrin berkata beliau kini

menunggu kebenaran berlepas ke Sepanyol selepas menyerahkan beberapa butiran diperlukan pasukannya, Angel Nieto untuk diserahkan kepada Dorna Sports selaku pemegang hak eksklusif komersial dan televisyen kejohanan itu.

"Saya harap sesuatu yang baik dari Eropah supaya kami boleh terbang ke Sepanyol

untuk meneruskan kejuaraan. Kalau kami (pelumba negara) tidak dapat terbang dan kejuaraan berjalan seperti biasa, kami pasti agak terkilang," kata bekas pelumba Kelas Perdana MotoGP selama dua musim itu.

Kejohanan motosikal itu ditangguhkan sejak Mac lalu, selepas perlumbaan di Qatar akibat penularan Covid-19.

## Speedy Tigers cari rentak, bakar motivasi

**KUALA LUMPUR** - Skuad hoki lelaki kebangsaan akhirnya dapat turun menjalani latihan pasukan pada 1 Julai, selepas lebih tiga bulan berehat berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengesahkan penyebaran wabak Covid-19.

Seramai 31 pemain, termasuk tujuh daripada skuad junior menjalani sesi latihan hari pertama dalam dua kumpulan berbeza di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil.

Penolong jurulatih, Mohd Nasihin Nubli Ibrahim berkata peringkat awal latihan tertumpu untuk meningkatkan motivasi pemain selepas hanya menjalani latihan di rumah sejak Mac.

"Kebanyakan pemain sangat teruja hendak pegang kayu hoki, tapi kita manusia, tak sempurna, jadi ada yang rasa macam berat nak datang latihan. Inilah tujuan latihan, dalam seminggu pasti ok,



Skuad hoki kebangsaan giat berlatih di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil pada 1 Julai. Foto BERNAMA

ada motivasi semula.

"Hari ini pun boleh lihat dari teknikal dan skil teruk. Tetapi kita akan bertambah baik dari

hari ke hari, dan menambah sesi lain kemudian seperti ujian kecergasan," katanya pada 2 Julai. – BERNAMA



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD  
(201401006213)

### KENYATAAN TENDER

| Bil. | NO. TENDER   | KETERANGAN  |
|------|--------------|---|
| 1.   | PN0000003087 | RESURFACING WORKS AT THREE (3) DIFFERENT AIR SELANGOR STORE LOCATIONS |

### KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

| Bil. | KETERANGAN  |
|------|---|
| 1.   | PRA-KELAYAKAN SEBAGAI KONTRAKTOR PANEL BAGI PERKHIDMATAN SERVIS & BAIKI KENDERAAN PENGURUSAN AIR SELANGOR BAGI TAHUN 2021 SEHINGGA 2023 |

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/service/tenderlists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan Air Selangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/business-with-us/contractor-vendorsupplier-plumber-registration-guideline> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.





MB ucap selamat maju jaya

## Luqman Hakim lonjak imej negara

OLEH NADIAH ZAMLUS

**SHAH ALAM** - Dato' Seri Amirudin Shari mengucapkan selamat maju jaya kepada pemain bola sepak Selangor, Luqman Hakim Shamsudin yang menyertai kelab divisyen 1 Belgium, KV Kortrijk.

Beliau yang pernah menjadi exco sukan berharap penghijrahan penyerang muda negara itu mengharumkan nama negara.

"Tahniah dan selamat berjaya diucapkan kepada adik Luqman Hakim," kata Dato' Menteri Besar pada 5 Julai.

Pada 4 Julai lalu, Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) mengesahkan perpindahan Luqman Hakim apabila mencapai persetujuan bersama KV Kortrijk. Langkah itu mampu memperkukuhkan karier profesional pemain itu ke peringkat seterusnya.

"Kami berharap ia memberi manfaat kepadanya serta membantu industri bola

sepak negara dalam jangka panjang seterusnya membuka lebih banyak peluang kepada pemain muda tempatan mengembangkan karier di luar negara," katanya.

Pada usia 18 tahun, Luqman Hakim dinobatkan sebagai antara bakat terbesar negara oleh Goal Malaysia dalam senarai NxGn 2020.

Beliau juga menjadi penjaring terbanyak AFC B-16 walaupun hanya bermain dua perlawanan selain tonggak penting membantu skuad remaja negara dalam Kejohanan Remaja AFF B-19, tahun lalu.



Sukan maya Xtiv tarik 30,000 peserta

**SHAH ALAM** - Program Selangor Xtiv Virtual 2020 mendapat sambutan hebat apabila seramai 30,957 mendaftar sepanjang Jun lalu.

EXCO Pembangunan Generasi Muda dan Sukan berkata penyertaan peserta luar negara adalah pencapaian terbaik dan berharap lebih ramai menyertai program sukan berkenaan.

"Sejak mula dilancarkan pada 4 Mei lalu sambutan diterima amat menggalakkan dan kita masih mengalu-alukan golongan belia sama ada dari dalam atau luar negara menyertai program bermanfaat ini," kata Mohd Khairuddin Othman pada 5 Julai.

Program julung kali diadakan memabitkan Selangor Xtiv Virtual e-Sport, Selangor Virtual Run dan Selangor Martial Art Xtiv dengan hadiah keseluruhan RM431,000 menerusi lapan fasa pertandingan.



## SUKMA: Atlet wushu gigih berlatih

**SHAH ALAM** - Enam atlet wushu Selangor yang menggalas cabaran pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-20 di Johor pada Mac tahun depan kembali ke gelanggang latihan sejak 15 Jun lalu.

Jurulatih Chia Kian Keow berkata semua atlet bagi disiplin sanda menjalani latihan dua sesi bermula 11 pagi hingga 3 petang setiap Ahad di Pusat Latihan Wushu KK Chia, Selayang dengan mematuhi tatacara

operasi piawai (SOP).

"Mereka juga diarah melakukan latihan stamina di rumah mengikut kesesuaian masa masing-masing dan perlu hantar laporan rakaman video (latihan) dalam kumpulan WhatsApp.

"Saya akan beri komen penilaian bagi setiap teknik yang digunakan supaya mereka dapat memperbaiki kelemahan," katanya pada 6 Julai lalu.

Kian Keow berkata prestasi atlet dipantau setiap dua minggu bagi memastikan stamina mereka pada tahap terbaik sebelum menghadapi temasya dwitahunan yang berbaki kurang setahun.

Katanya, jika latihan tidak memuaskan, kesemua atlet diarah berlatih dua kali seminggu di gelanggang serta mungkin ditambah tiga atau empat hari bergantung kepada prestasi.

"Saya berharap ibu bapa mereka faham dengan keadaan sekarang kerana kita sudah hampir ke SUKMA. Sebelum Perintah Kawalan Pergerakan juga mereka berlatih lima hari seminggu," katanya.



Atlet wushu sanda Selangor menjalani latihan bagi persiapan SUKMA di Pusat Latihan Wushu Selangor, Rawang pada 5 Julai

## FAM sokong anjur liga sosial terkawal

**KUALA LUMPUR** - Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) menyokong penuh permohonan pengusaha padang bola sepak komersial dan penganjur liga sosial supaya aktiviti bola sepak secara terkawal dibenarkan semula oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam tempoh terdekat.

Setiausaha Agung FAM Stuart Ramalingam berkata sesi libat urus antara wakil Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bersama pemain dan penggiat industri bola sepak dan futsal di Menara KBS pada 3 Julai memberi gambaran jelas mengenai situasi semasa yang dialami pengusaha padang bola sepak komersial serta pengendali liga sosial.

Sebelum ini, kesemua aktiviti bola sepak termasuk saingan Liga Malaysia (Liga-M), komersial dan amatir, terpaksa dihentikan selepas kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu bagi membendung penularan pandemik Covid-19.

"FAM yakin KBS akan membuat yang terbaik untuk keluarga bola sepak," katanya. -BERNAMA